



PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN & AL- QIRAAT

—♦♦♦—
(SIRI 2) 2024

**PENYUNTING:
MOHAMAD REDHA MOHAMAD . MOHD IKRAM NAWI**

**PENGAJIAN TAHFIZ
AL-QURAN DAN AL-QIRAAT
SIRI 2 (2024)**

PENYUNTING
MOHAMMAD REDHA MOHAMAD
MOHD IKRAM MOHD NAWI

PENERBIT FPPI
Universiti Islam Selangor (UIS)
2024

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), UIS, 2024

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
<http://www.uis.edu.my/fppi/>
03-8911700 ext: 7167

Dicetak di Malaysia/*Printed in Malaysia by*

Corner Resources
No. 20, Jalan Hentian 3, Pusat Hentian Kajang,
Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia
Cataloguing-in-Publication Data

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan /

PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT SIRI 2 (2024)
/ Mohamad Redha Mohamad & Mohd Ikram Mohd Nawi

1. Tahfiz. 2. Al-Quran. 3. Al-Qiraat

e ISBN 978-967-2808-47-3



KATA ALU-ALUAN

Alhamdulillah, syukur pada Allah SWT atas penerbitan buku *Pengajian Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Siri 2 (2024)* bersempena dengan penganjuran Seminar Nusantara Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (Nusantara Conference on Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat / NATIQ 2024) oleh Jabatan Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (JTQQ), Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) pada tahun 2024.

Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku ini, samada sebagai penerbit, penyunting, editor dan penyumbang artikel. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukulkan sepatah dua kata dalam buku ini bagi mewakili pihak Pengurusan Jabatan.

Sebagaimana anda sedia maklum, Islam merupakan agama yang bertujuan untuk mengatur kehidupan manusia (*way of life*) dalam setiap dimensi kehidupan dan peredaran zaman. Islam menjadi instrumen yang sangat penting dalam pembangunan ummah dan pendidikan khususnya era revolusi industri pada hari ini. Islam yang bersifat dengan kesempurnaan dan kesejagatan sangat relevan dalam menghadapi arus pemodenan dan kepesatann teknologi dalam pelbagai dimensi kegiatan manusia termasuk dalam aspek pendidikan.

Terdapat pelbagai isu-isu kontemporari dalam dunia pendidikan dan pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat pada hari ini khususnya yang berkaitan dengan keberkesanan dalam aspek penguasaan dan penghayatan ilmu, di samping kaedah dan pendekatan semasa dalam penyampaian dan penerapan ilmu di kalangan pelajar dalam keadaan pengaruh teknologi sangat memberi kesan kepada mereka. Selain itu, isu-isu seperti pemisahan antara ilmu aqli dan naqli, proses pengajaran yang berkonsep *knowledge transfer* tanpa elemen pendidikan (*tarbiyah*) dan lain-lain juga perlu diberikan perhatian serius.

Sehubungan itu, pemahaman dan penghayatan sebenar nilai-nilai Islam dalam aspek pendidikan diyakini mampu untuk menangani isu-isu kontemporari yang timbul dalam menterjemahkan maksud sebenar pendidikan dalam Islam. Antara solusi yang terpenting ialah pengintegrasian pelbagai disiplin ilmu semasa dengan ilmu-ilmu turath yang berteraskan kepada kefahaman yang jelas terhadap al-Quran dan al-Sunnah. Kepelbagaian teknologi baharu yang mencorakkan lanskap kehidupan moden perlu dikuasi di samping asas-asas penting aqidah, fiqah, akhlak dan sebagainya. Saidina Ali RA berpesan:

“Didiklah (persiapkanlah) anak-anakmu atas hal yang berbeda dengan keadaanmu (sekarang) karena mereka adalah manusia yang hidup untuk satu zaman yang bukan zamanmu (sekarang)”

Sekian, Salam hormat.

DR. ROHANA BINTI ZAKARIA

Ketua,
Jabatan Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat,
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI),
Universiti Islam Selangor (UIS).

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Dengan nama Allah SWT Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas insan paling sempurna, Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabat RA yang telah dipayungi lembayung keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Budaya menimba ilmu, berfikir, menyelidik, dan menyebarkannya merupakan tanggungjawab seorang akademia yang harus dipraktikkan dalam memperkasakan dunia pengajian Islam seiring revolusi industri 4.0 yang kini rancak berlangsung dalam dunia global *Internet of Things* (IOT) atau internet kebendaan dalam hampir semua aspek kehidupan seharian melibatkan penggunaan teknologi digital dengan manusia dan sistem fizikal yang lain.

Bidang pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat diyakini akan terus relevan dalam mendepani isu-isu kontemporari. Penyelidikan yang berterusan merupakan platform terbaik oleh para akademia dalam mencari solusi tentang permasalahan isu-isu semasa dan menyebar luas serta berkongsi dapatan kajian yang memberi manfaat kepada semua pihak. Pendek kata, umat Islam harus berpartisipasi dalam mendepani cabaran RI 4.0 agar dapat melestarikan pengajian Islam dalam dunia global.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah kami rakamkan kepada para penyumbang artikel atas usaha murni dalam menerbitkan buku *Pengajian Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat Siri 2 (2024)* terbitan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) pada tahun ini. Naskah ilmiah ini merupakan koleksi percambahan idea autentik para akademia dalam usaha menambah publikasi korpus pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat.

Semoga penerbitan buku ini akan memberi impak yang sangat besar dalam memberi nilai tambah kepada khazanah penyelidikan negara berteraskan pengajian Islam. Buku ini juga diharap mampu memberi pendedahan kepada para pembaca untuk memaknai penyelidikan yang telah dilaksanakan sesuai dengan teori dan kemahiran yang dipelajari serta inovasi yang dihasilkan.

Sekian, selamat membaca.

MOHAMAD REDHA MOHAMAD

MOHD IKRAM MOHD NAWI

Penyunting

KANDUNGAN

	Halaman
KATA ALU-ALUAN	ii
PRAKATA	iii
KANDUNGAN	iv
PENDAHULUAN	v
BAB 1 <i>KEBERKESANAN KAEDAH HAFAZAN AL-QUR'AN SIYAQ TERHADAP PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</i> Muhammad Zakir Husain, Ahmad Baha', Khairun Naqibah & Bazilah Sakynah	1-9
BAB 2 <i>TAHAP KEFAHAMAN HUKUM TAJWID DAN PEMBACAAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR MUSLIM DI KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG SABAH</i> Rahmat Abdullah	10-19
BAB 3 <i>Pengenalan Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia</i> Anisah Razali, Noornajihan Jaafar & Mohd Nur Adzam Rasdi	20-26
BAB 4 <i>Kriteria Guru Al-Quran Sebagai Contoh Teladan Masyarakat Menurut Ulama</i> Mohamad Redha Mohamad & Mohd Ikram Mohd Nawī	27-33
BAB 5 <i>IBN KATHIR AND HIS METHOD IN APPROACHING AYAT AL-QURAN: SAMPLE FROM TAFSIR AL-QURAN AL-AZIM</i> Muhammad Wafiq Muhammad Fauzi & Mohamed Akhiruddin Ibrahim	34-45
BAB 6 <i>PERSELISIHAN PENDAPAT PADA PENENTUAN AYAT PERTAMA SURAH AL-FATIHAH: ANALISIS PENDAPAT MUFASSIR</i> Mohd Mahfuz Jaafar, Muhammad Izzat Ngah & Mahmud Lutfi Abd Hadi	46-49
BAB 7 <i>TATACARA PENGENDALIAN PROSES PELUPUSAN CETAKAN AYAT AL-QURAN: KAJIAN KES DI MASJID AL-AMIN BRIGED TENGAH (PGA) CHERAS, SELANGOR</i> Mahmud Lutfi Abd Hadi, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Mohd Mahfuz Jaafar, Muhammad Izzat Ngah & Ahmad Shahir Masdan	50-56
BAB 8 <i>أثر قرارات التوقيف أن يهيض بطلان مدارات التلغويّة</i> Ali bin Ali Hussin Ghazwan	57-85

PENDAHULUAN

Standard Program Pengajian Islam (SPPI) di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah menggariskan bahawa objektif pembelajaran program (OPP) pengajian Islam adalah memastikan pelajar memahami dan menguasai disiplin ilmu agama (*tafaqqub fi al-din*) yang dipelajari. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah ayat 122:

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾

Maksudnya:

Dan tidaklah orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, para akademia Islam telah menetapkan bahawa Hasil Pembelajaran Program (HPP) bagi program pengajian Islam adalah untuk memberi peringatan dan bimbingan agama kepada orang lain berdasarkan ilmu yang diperolehi. Dalam pada itu, ledakan revolusi kontemporari telah memberi cabaran baharu dalam Pengajian Islam.

Para akademia perlu memainkan peranan mereka melalui penulisan dan penyelidikan, demi memastikan pengajian Islam terus relevan dalam mendepani isu-isu kontemporari dalam arus RI 4.0. Ilmuwan Islam masa kini perlu bangkit untuk mengembalikan kegemilangan Islam seperti yang telah dicapai oleh ilmuwan Islam terdahulu seperti, Muḥammad ibn Mūsā al-Khwārizmī (780-850 M.), Abū ‘Alī al-Ḥusayn ibn ‘Abd Allāh ibn al-Ḥasan ibn ‘Alī ibn Sīnā (980-1037 M.), dan Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn ‘Abd Allāh al-Lawāṭi al-Ṭanjī ibn Baṭṭūṭah, (1304-1369 M.) yang telah mencetus revolusi dalam bidang ilmu matematik, perubatan, dan pelayaran ketika dunia Eropah masih berada dalam era kegelapan. Pencapaian Sains dan Teknologi sehingga lahirnya RI 4.0 hari ini sebenarnya banyak yang diasaskan oleh para cendekiawan Islam silam dan diambil oleh negara-negara barat untuk dimajukan.

Buku *PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT* ini merupakan himpunan kertas kerja ilmiah dalam 2nd Nusantara Conference on Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (NATIQ) 2024 anjuran Jabatan Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat (JTQQ), Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS). Penganjuran NATIQ 2024 merupakan kesinambungan daripada siri yang pertama pada tahun 2021. Seminar ini berobjektif memperkukuhkan bidang pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat agar mampu mendepani cabaran RI 4.0. Seminar ini juga menjadi platform kepada para akademia dari dalam dan luar negara untuk berkongsi maklumat dan pandangan sebagai usaha memperkasakan pengetahuan umat Islam sehingga mampu untuk menerajui kemajuan pada masa hadapan selain memperkukuh perpaduan umat dari pelbagai negara.

BAB 1

KEBERKESANAN KAEDAH HAFAZAN AL-QUR'AN SIYAQ TERHADAP PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Muhammad Zakir Husain¹, Ahmad Baha¹, Khairun Naqibah¹ & Bazilah Sakynah¹

¹Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

PENDAHULUAN

Kaedah hafazan Al-Qur'an Siyاق merupakan penggabungan antara kaedah hafazan dan ilmu tafsir Al-Qur'an yang membolehkan para penghafaz memahami hubungan antara ayat-ayat Al-Qur'an. Dengan menggunakan kaedah ini, seseorang dapat lebih memahami makna ayat-ayat Al-Qur'an dan mengenal pasti hubungan antara susunan dan tema ayat-ayat Al-Qur'an. Penggunaan kaedah ini oleh penghafaz Al-Qur'an dapat memudahkan proses hafazan, membantu mereka dalam pemahaman ayat, serta menguatkan ingatan mereka terhadap isi Al-Qur'an.

Neurosains merupakan bidang kajian saintifik yang fokus pada sistem saraf manusia, khususnya otak, dan melibatkan penyelidikan tentang otak dan proses berfikir (Ummu Aiman, 2015). Otak adalah organ penting dalam tubuh manusia yang berperan dalam penerimaan, pemrosesan, dan pemahaman informasi, serta penyimpanan ingatan (Rizal Fadli, 2023). Ingatan, atau memori, adalah kemampuan untuk menyimpan informasi masa lalu dengan cara yang teratur dan menggunakannya sesuai keperluan (Arma, 2015). Kehadiran memori sangat penting bagi para penghafaz Al-Qur'an karena melalui memori mereka menyimpan semua hafazan Al-Qur'an.

Hafazan Al-Qur'an merupakan aspek pendidikan yang terawal dalam sejarah Islam, yang mana Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam memulai usaha untuk mengajarkan dan mendorong para sahabatnya untuk menghafaz dan mengamalkan isi Al-Qur'an. Tujuannya adalah agar Al-Qur'an dapat dijaga dengan baik dari segala bentuk penyelewengan dan perubahan. Allah Subhanahu Wa Ta'ala menyatakan dalam surah Al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan Al-Qur'an dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya (daripada perubahan, penyelewengan, penambahan dan pengurangan).”

Pendidikan hafazan Al-Qur'an kini berkembang dengan pesat di negara-negara lain seperti India, Makkah Al-Mukarramah, Turki, Pakistan dan sebagainya, dan pendidikan itu juga bermula dari rumah ke rumah, pondok-pondok, madrasah, syarikat kecil dan semakin berkembang di sekolah-sekolah swasta dan kerajaan (Wan Ahmad Zakry, et al, 2020).

Jika dilihat secara umum, semua konsep kaedah hafazan itu mempunyai sedikit persamaan iaitu Hifz (hafazan), Murajaah (ulangan), Syafawi (ujian lisan) dan Tahriri (Menulis). Walau bagaimanapun, setiap kaedah itu pasti mempunyai perbezaannya yang tersendiri. Misalnya di India dan Pakistan, negara tersebut memiliki keunikan dalam kaedah hafazan iaitu mereka mempunyai tambahan dalam kaedah mereka, seperti persediaan sebelum menghafaz, Syahadah Hafiz, memulakan hafazan dari Juz 30 dan sebagainya (Hafez Duzak, 2012). Manakala kaedah hafazan Al-Qur'an di Makkah Al-Mukarramah ialah para pelajar akan mengambil hafazan mereka melalui mendengar bacaan dari mulut guru mereka sehingga hafaz. Selain itu, mereka juga mengamalkan kaedah hafazan harian dengan tidak mengikut susunan mushaf iaitu dimulakan dari surah An-Nas hingga surah Al-Fatihah (Sedek bin Ariffin, 2011). Berlainan pula dengan kaedah hafazan Al-Qur'an di Turki, kaedah yang digunakan dapat mengurangkan rasa bosan para pelajar, yang mana kaedah itu tidak memberi fokus pada satu-satu juzuk dalam waktu yang lama. Konsep kaedah hafazan Al-Qur'an Turki menerapkan hafazan dari muka surat terakhir bagi setiap juzuk dan setiap hari berlainan juz yang dimulakan dengan Juz 1 (Siti Suriyani Sulaiman, 2018).

Di samping itu, negara-negara Melayu juga tidak ketinggalan dalam pendidikan hafazan Al-Qur'an seperti di Indonesia, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam. Konsep kaedah hafazan di negara-negara tersebut juga hampir sama dengan konsep negara-negara Islam yang lain. Konsep hafazan Al-Qur'an di Indonesia menerapkan hafazan harian yang dimulakan dari Juz 30 hingga Juz 1. Negara ini tidak mengamalkan Tahriri (ujian bertulis) di dalam kaedah hafazan Al-Qur'an mereka (Sedek bin Ariffin, 2011). Negara Malaysia juga semakin berkembang dalam membangunkan program, sekolah, pondok, madrasah dan sebagainya khas untuk pendidikan Tahfiz Al-Qur'an. Negara ini juga banyak mempraktikkan kaedah hafazan Al-Qur'an dari tokoh-tokoh luar seperti teknik pengajaran Al-Quran Al-Qabisi, Al-Ghawthani, Ibnu Sahnun, Abu Mazaya Al-Hafiz, Al-Baghdadi dan sebagainya (Siti Suriyani Sulaiman, 2017).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Negara Brunei Darussalam juga semakin pesat dalam menubuhkan institusi pengajian hafazan Al-Qur'an sama ada kerajaan atau persendirian. Institut kerajaan khas pengajian Tahfiz Al-Qur'an yang pertama ditubuhkan di negara ini, iaitu pada 8 Rejab 1431 Hijrah bersamaan dengan 1 Januari 1993 Masihi. Yang dinamakan sebagai Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), institut ini ditubuhkan bersempena dengan Titah Ulangtahun hari keputeraan baginda yang ke-46 tahun pada 15 Julai 1992 Masihi:

“Beta sukacita mengumumkan bahawa beta pada dasarnya telah memperkenankan penubuhan sebuah Institut Tahfiz Al-Qur'an di negara ini, sebagai sumbangan peribadi beta sendiri. Ianya akan terletak di bawah Kementerian Pendidikan sebagai satu komplementari bagi melahirkan tenaga pengajar yang hafaz Al-Qur'an”. (Mora, 2023)

Di samping itu, pusat pengajian hafazan Al-Qur'an swasta di Negara Brunei Darussalam juga semakin bertambah dan semakin banyak yang memasukkan module hafazan Al-Qur'an di dalam pembelajaran mereka. Mereka juga menerapkan kaedah hafazan Al-Qur'an dari tokoh-tokoh luar. Sebagai contoh, pusat Tahfiz swasta yang dikenali sebagai Nadi Quranic Learning Centre telah menggunakan kaedah Al-Baghdadi atau nama lainnya Kaedah Neuro Nadi (Nurhamizah Jasni & Mariam Abdul Rahman, 2022).

Selain daripada itu, pendidikan hafazan Al-Qur'an juga dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran di kebanyakan sekolah seperti sekolah persediaan Arab atau sekolah menengah Arab yang ada di Negara Brunei Darussalam. Bukan sahaja di sekolah, malahan institusi pengajian tinggi juga ada menawarkan Hafazan Al-Qur'an sebagai salah satu kursus teras seperti di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) (Sarinah Yahya, 2019). Sebahagian daripada Institusi Pengajian Tinggi juga ada membangunkan kaedah-kaedah hafazan Al-Qur'an untuk kegunaan mahasiswa-mahasiswa. Sebagai contoh, para tenaga pengajar UNISSA telah membangunkan kaedah hafazan Al-Qur'an baru yang dinamakan dengan Kaedah Siyaq.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sebagaimana yang kita ketahui, pusat Tahfiz Al-Quran semakin berkembang pesat di kebanyakan negara-negara Islam. Tujuannya adalah untuk melahirkan ramai lagi para penghafaz Al-Quran untuk memajukan negara. Justeru dengan berkembangnya pusat-pusat Tahfiz itu, semakin bertambahlah kaedah hafazan Al-Quran yang telah digunakan oleh para penghafaz Al-Quran. Menurut Anis Syahirah dan Sabri Mohamad (Anis Syahirah Fauzan & Sabri Mohamad, 2017), jika perkara itu berterusan berlaku tanpa penyelarasan dan bergerak dengan haluan masing-masing, sistem dan teknik hafazan Al-Quran akan menjadi tidak bersistematik dan kurang keberkesanannya. Walaupun secara umumnya, para penghafaz dapat memilih kaedah hafazan Al-Quran mengikut keselesaan masing-masing, akan tetapi dengan memilih kaedah yang bersistematik akan membantu mereka dalam menghafaz dan memelihara hafazan mereka dalam jangka masa yang lama. Ianya juga menjadi keperluan untuk para penghafaz Al-Qur'an untuk melihat dan mengetahui pembuktian kaedah hafazan Al-Qur'an itu dari segi saintifik yang berkaitan dengan otak manusia.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji dan menguji keberkesanan kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq terhadap pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Negara Brunei Darussalam.

HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

H₁: Terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca pada kumpulan rawatan untuk mengkaji keberkesanan kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq.

H₀¹: Tidak perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca pada kumpulan rawatan untuk mengkaji keberkesanan kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan tentang metodologi yang akan digunapakai dalam kajian ini, iaitu: kaedah pengumpulan data, reka bentuk kajian, prosedur kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian dan analisis data.

- **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini adalah kajian kuantitatif, pengkaji akan menggunakan *True Experimental* ujian pra dan pasca sebagai reka bentuk kajian. Dalam *true experimental* pengkaji akan menggunakan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan, yang mana dalam kumpulan kawalan responden akan menggunakan kaedah hafazan yang lain dan kumpulan rawatan akan menggunakan kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq. Data yang terhasil daripada reka bentuk ini berbentuk inferensi dan akan dianalisis menggunakan ujian-T berpasangan (*paired T-test*). Reka bentuk *True experimental* ini diperjelaskan melalui jadual dibawah:

Ujian Pra	Pembolehubah bebas	Ujian Pasca
O ¹	X ¹	O ²
O ¹	X ²	O ²

Maksud kata kunci diatas:

O¹: Ujian Pra

O²: Ujian Pasca

X¹: Kaedah hafazan Al-Qur'an lain

X²: Kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq

Untuk objektif kajian ini, pembolehubah bebas (*Independent variable*) ialah kaedah hafazan Al-Qur'an lain dan kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq dan pembolehubah bersandar (*Dependet variable*) ialah keberkesanan.

- **Populasi Dan Sampel**

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi IPT¹ yang mengikuti kursus hafazan Al-Qur'an yang bermula dari juz satu Al-Qur'an. Mahasiswa dan mahasiswi tersebut haruslah belum pernah menghafaz Al-Qur'an bermula dari juz satu dan berada di tahun satu pengajian daripada fakulti aliran arab kerana kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq dibangunkan mengikut sukatan pelajaran mereka. Oleh itu, jumlah populasi untuk kajian ini ialah 134 orang dan sampel untuk kajian ini ialah seramai 97 orang. Jumlah sampel tersebut mengikut jadual Krejcie & Morgan (1970). Kaedah pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah (*simple random sampling*). Daripada 97 orang tersebut, 10% akan menjalani kajian rintis iaitu seramai 10 orang. Kemudian, hanya 60 orang sahaja yang mudah untuk dicapai, mahu memberikan kerjasama dan lulus ujian bacaan untuk menjalani *True experimental*.

Seterusnya, 60 orang responden tersebut akan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan seramai 30 orang (15 lelaki dan 15 perempuan) dan kumpulan rawatan seramai 30 orang (15 lelaki dan 15 perempuan). Jadual dibawah adalah ringkasan daripada populasi dan sampel.

- **Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini untuk memperolehi data adalah mengikut keperluan objektif, seperti berikut:

1. Ujian Hafazan

Ujian hafazan ialah ujian yang dijalankan dalam kajian ini. Ujian ini dijalankan secara lisan yang mana responden dimestikan untuk menghafaz satu muka surat Al-Qur'an dalam tempoh masa 30 minit. Pilihan muka surat ujian ini adalah secara random iaitu muka surat 24 (Surah Al-Baqarah ayat 154 hingga 163). Setelah selesai 30 minit, responden akan mendengarkan hafazan mereka kepada pengkaji dan di nilai mengikut rubrik pemarkahan yang dibangunkan oleh pengkaji sendiri.

2. Rubrik Pemarkahan

Rubrik pemarkahan ini dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan tujuan yang ditetapkan pada kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq. Setiap langkah dalam kaedah tersebut, mempunyai satu rubrik. Rubrik tersebut mempunyai lima tahap iaitu cemerlang, sangat baik, baik, lulus dan gagal dan setiap tahap tersebut mempunyai kriteria pemarkahan masing-masing. Penilaian kedua-dua kumpulan (kawalan dan rawatan) menggunakan rubrik yang sama.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian kuantitatif yang mana kajian ini menggunakan *True Experimental* ujian pra dan ujian pasca. Data akan dianalisis daripada hasil eksperimen tersebut menggunakan SPSS 27. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji dan menganalisis hubungan diantara dua pembolehubah. Data akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan statistik inferensi (Inferential Statistics) iaitu dengan Ujian-T (T-test).

Jadual di bawah adalah penerangan data responden:

Pembolehubah	Jantina	Jumlah	Markah Ujian Bacaan	Fakulti	Jumlah Responden
Kumpulan Kawalan	Lelaki	15	34-40 Markah	Tahun satu Aliran Arab	60 orang
	Perempuan	15			
Kumpulan Rawatan	Lelaki	15			
	Perempuan	15			

Menurut jadual diatas, penerangan responden yang menjalani eksperimen terdiri daripada markah ujian bacaan, jantina, dan fakulti. Berdasarkan maklumat diatas, keseluruhan responden ialah 60 orang dan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu 30 orang kumpulan kawalan dan 30 orang kumpulan rawatan. Kesemua responden berada di tahun satu pengajian fakulti aliran arab. Sebagai tambahan, kesemua responden diatas sudah menjalani ujian bacaan sebelum menjalani eksperimen ujian hafazan. Yang mana semua responden memperolehi 34 hingga 40 markah dalam ujian bacaan.

• Analisis Data Ujian Hafazan Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Ujian hafazan dijalankan kepada 60 orang responden yang terlibat untuk mengkaji keberkesanan kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq. Markah penuh untuk ujian hafazan ialah 50 markah. Pengkaji akan menghuraikan hasil data dari kumpulan kawalan (tanpa kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq) dan kemudian hasil data dari kumpulan rawatan (dengan kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq). Selepas itu pengkaji akan menghurai gabungan data dari kumpulan kawalan dan rawatan untuk melihat perbezaan signifikan antara keduanya.

- **Taburan Pencapaian Ujian Hafazan bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan Ujian Pra dan Pasca**

Kumpulan Kawalan			
Nama Responden	Markah Ujian Bacaan	Ujian Pra	Ujian Pasca
R1	34	33	33
R2	34	34	34
R3	36	31	33
R4	36	30	33
R5	34	25	23
R6	34	40	43
R7	36	36	38
R8	40	37	33
R9	38	33	35
R10	38	31	31
R11	34	34	34
R12	40	36	39
R13	34	40	44
R14	40	44	44
R15	36	41	40
R16	36	37	42
R17	38	39	43
R18	40	40	38
R19	38	31	33
R20	36	41	41
R21	34	35	36
R22	34	36	38
R23	34	47	47
R24	40	25	28
R25	40	33	36
R26	34	36	38
R27	36	40	38
R28	36	38	39

R29	38	43	43
R30	38	32	29

Jadual diatas menunjukkan taburan pencapaian ujian hafazan mengikut skor markah ujian pra dan pasca bagi mengkaji keberkesanan kaedah hafazan Al-Qur'an untuk kumpulan kawalan. Markah ujian hafazan ujian pra yang terendah ialah 25 markah dan markah yang tertinggi ialah 47 markah. Manakala markah ujian hafazan ujian pasca yang terendah ialah 29 markah dan markah yang tertinggi ialah 47 markah.

Kumpulan Rawatan			
Nama Responden	Markah Ujian Bacaan	Ujian Pra	Ujian Pasca
R31	40	39	50
R32	34	31	50
R33	36	35	49
R34	34	37	49
R35	34	39	48
R36	38	40	47
R37	38	40	50
R38	34	40	50
R39	40	29	45
R40	34	38	50
R41	36	25	50
R42	36	39	49
R43	34	32	48
R44	34	44	49
R45	36	34	49
R46	40	33	44
R47	40	40	47
R48	38	40	46
R49	38	33	49
R50	34	33	50
R51	36	38	50
R52	38	39	50
R53	36	35	44

R54	36	37	48
R55	36	31	49
R56	34	33	48
R57	34	39	47
R58	38	35	48
R59	36	35	45
R60	40	44	50

Jadual diatas menunjukkan taburan pencapaian ujian hafazan mengikut skor markah ujian pra dan pasca bagi mengkaji keberkesanan kaedah hafazan Al-Qur'an untuk kumpulan rawatan. Markah ujian hafazan ujian pra yang terendah ialah 25 markah dan markah yang tertinggi ialah 44 markah. Manakala markah ujian hafazan ujian pasca yang terendah ialah 44 markah dan markah yang tertinggi ialah 50 markah.

• **Gabungan Keputusan Ujian-T Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan Kaedah Hafazan Al-Qur'an Siyaq**

Kumpulan	M	Std	t	df	Sig
Kumpulan Kawalan	0.93	0.40	2.328	29	0.27
Kumpulan Rawatan	12.03	0.81	14.802	29	0.001

Jadual diatas ialah perbezaan antara kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah lain dan kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah hafazan Al-Qur'an siyaq semasa ujian hafazan dijalankan. Kumpulan kawalan mempunyai nilai min sebanyak $M = 0.93$ dan kumpulan rawatan sebanyak $M = 12.03$. disini dapat di lihat perbezaan kedua kumpulan sangat ketara. Manakala, perbandingan nilai signifikan bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan ialah $p = 0.27$ dan $p = 0.001$. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa kumpulan kawalan tidak mempunyai nilai yang signifikan dan kumpulan rawatan mempunyai nilai yang signifikan. Hasil daripada kumpulan rawatan tersebut, hipotesis alternatif yang pertama disokong (H_1 : Terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca pada kumpulan rawatan) dan hipotesis nol yang pertama ditolak (H_0^1 : Tidak ada perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca pada kumpulan rawatan). jika dilihat pada nilai signifikan bagi kumpulan rawatan, ini menunjukkan bahawa kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq berkesan bagi pelajar IPT dan ini menjawab persoalan kajian kedua.

KESIMPULAN

Berdasar hasil kajian, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq memberi keberkesanan kepada mahasiswa dan mahasiswi IPT. Yang mana kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq mempunyai peningkatan dalam ujian hafazan dan menunjukkan perbezaan nilai min sebanyak $M = 12.03$ dan nilai t sebanyak $t = 14.8$. Tahap signifikan bagi kumpulan ini ialah 0.001 iaitu lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Hasil daripada ujian-t berpasangan menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara Ujian Pra dan Ujian Pasca. ($t = -5.998$, $df = 31$, $p < 0.05$) dan ini membuktikan kaedah tersebut berkesan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan

bahawa keberkesanan kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor yang boleh menjejaskan kaedah hafazan Al-Qur'an Siyaq seperti suasana ketika menghafaz, motivasi dan sikap individu sendiri.

RUJUKAN

- Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya.
Ummu Aiman. (2015). *Neurosains itu apa*. Diambil daripada <https://www.kompasiana.com/aiman17/55200701813311546f9de61f/neurosains-apa-itu>.
- Rizal Fadli. (2023, Mei 25). *Ini Bagian Otak dan Fungsinya yang Wajib diketabui*. Diambil daripada <https://www.halodoc.com/artikel/ini-bagian-otak-dan-fungsinya-yang-wajib-diketahui>.
- Arma. (2015). Ingat Dan Lupa Menurut Al-Qur'an. *Jurnal Al-Fath*. 9(2), p195.
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin, et al. (2020). Aplikasi Model Hafazan Al-Qur'an Ulul Albab Di Sekolah Imtiaz Terengganu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), p11.
- Hafez Duzak. (2012, September 15). *Keunikan Metodologi Sistem Hafazan Cara Deobandy*. Diambil daripada <http://pbtaajaya.blogspot.com/2012/09/keunikan-metodologi-sistem-hafazan-cara.html?m=1>.
- Sedek bin Ariffin. (2011). Keunikan Metode-Metode Hafazan Al-Qur'an Di Dunia: Suatu Tinjauan Terhadap Kaedah Di Malaysia, India, Pakistan, Arab Saudi, Indonesia Dan Turki. *Prosiding Seminar Serantau Pengajian Usuluddin di Institut Pengajian Tinggi*. p16-20
- Siti Suriyani Sulaiman. (2018). Kaedah Hafazan : Suatu Tinjauan Ringkas. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2(1), p54.
- Siti Suriyani Sulaiman. (2017). Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas. *Proceedings Of 2nd International Islamic Heritage Conference*. p1073-1087.
- “Pengenalan Ringkas Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiab”. Diambil daripada <http://www.mora.gov.bn>.
- Nurhamizah Jasni, Mariam Abdul Rahman. (2022). Implementasi Kaedah Neuro Nadi Dalam Pengajian Al-Qur'an Di Brunei. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 3(1), p29-34.
- Sarinah Yahya. (2019). *Sejarah Perkembangan Pengajian dan Penulisan Al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam*. *Ar-Raiq*, 2(2), p98.
- Anis Syahirah Fauzan, Sabri Mohamad. (2017). Kesan Hafazan Al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Al-Turath*, 2(2), p54-59.
- Syarifah Aini. (2013). Pengaruh Ingatan Dan Kemampuan Berpikir Kritis Terhadap Hasil Belajar Siswa Dalam Mata Pelajaran Fisika Di MA Madani Alauddin Paopao Kabupaten Gowa. *JPF (Jurnal Pendidikan Fisika)*, 1(1), p63-76.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determine Sample Size for Research Activities. *Education and Psychological Measurement*. Vol. (30). p607-610.

BAB 2

TAHAP KEFAHAMAN HUKUM TAJWID DAN PEMBACAAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR MUSLIM DI KOLEJ KOMUNITI PENAMPANG SABAH

Rahmat Abdullah¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

PENGENALAN

Al-Quran adalah sebuah kitab suci yang merangkumi pelbagai hukum di dalam kehidupan seharian. Ianya perlu dibaca (di dalam dan di luar solat) bagi seseorang yang beragama Islam berpandukan kepada hukum tajwid yang betul. Kesalahan bacaan boleh membawa makna yang berbeza. Seseorang yang menguasai ilmu tajwid dengan baik akan memudahkannya untuk membaca kalam tuhan (Al-Quran) dan sekaligus menarik minat untuk mendalami ilmu ketuhanan. Namun begitu berguru adalah perkara yang penting untuk menguasai ilmu tajwid. Terdapat banyak cara mudah untuk mempelajari ilmu tajwid berdasarkan kepada aplikasi dan media sosial masa kini.

Pengkaji mendapati pelajar-pelajar Muslim Kolej Komuniti Penampang tidak menguasai hukum tajwid dengan baik. Walaupun begitu, pengkaji melihat kesungguhan mereka untuk membaca Al-Quran dengan tajwid yang betul itu terlihat apabila sebahagian kecil (8 orang) pelajar perempuan meminta menyemak bacaan surah Al-Fatihah yang mereka hafal. Kajian tinjauan mendapati 8 orang pelajar itu berlatar belakang dari sekolah aliran agama.

Justeru itu, pengkaji melihat bahawa ini adalah suatu peluang dan kesempatan yang perlu diambil untuk melihat sejauh mana tahap kefahaman hukum tajwid dan pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti Penampang Sabah. Kajian yang dijalankan adalah tertumpu hanya kepada pelajar-pelajar Muslim di Kolej Komuniti Penampang dari semester 1 hingga semester 3. Pengkaji merupakan salah seorang dari tenaga pengajar di Kolej Komuniti Penampang. Justeru itu, pengkaji sangat mengenali perwatakan setiap pelajar Muslim di Kolej Komuniti Penampang. Pengkaji mengajar subjek Pendidikan Islam 1, 2 dan Pendidikan Moral di Kolej Komuniti Penampang Sabah. Seramai 100 orang responden terlibat di dalam kajian ini.

SOROTAN LITERATUR

Menurut artikel (Pitriani, 2022) yang bertajuk (Peningkatan Kecerdasan Emosional Dengan Membiasakan Membaca Al-Quran Pada Siswa Di SMP Negeri 66 Bengkulu Utara) menyatakan bahawa membaca Al-Quran dapat meningkatkan kecerdasan emosional. Kajian kuantitatif ini menyebut bahawa terdapat 28.4% peningkatan emosi pelajar apabila kerap membaca Al-Quran.

Berdasarkan artikel yang telah ditulis oleh (Sakrani, 2020) yang bertajuk (Pengaruh Tutor Sebaya terhadap kemampuan membaca Al-Quran di Madrasah Aliyah Nurul Mujtahidin NW Janapria) menyatakan bahawa peranan tutor sangat penting di dalam meningkatkan kemampuan siswa di dalam pembacaan Al-Quran sebelum dan selepas

didedahkan dengan metode tutor sebaya pada mata pelajaran Al-Quran Hadis. Terdapat peningkatan sebanyak 41.02% terhadap responden yang terlibat (berada pada kategori lemah) iaitu seramai 29 orang sebelum didedahkan dengan metode tutor sebaya. Selepas didedahkan terdapat peningkatan yang drastik iaitu seramai 13 orang berada pada tahap rendah iaitu mewakili 33.33%. Seramai 16 orang siswa yang pada asalnya lemah di dalam pembacaan Al-Quran sudah meningkat kepada tahap sedang dan tinggi daripada jumlah keseluruhan siswa yang terlibat seramai 39 orang.

Modul Al-Quran sangat menggalakkan pelajar mahir di dalam kedua-dua bidang duniawi dan ukhrawi (Hilmi, Zakaria dan Spawi, 2017). Artikel yang bertajuk (Pembinaan Modul Pendidikan Al-Quran untuk Pelajar Pintar Berbakat: Pendekatan di Kolej Permata Insan) menyatakan bahawa modul Pendidikan Al-Quran PERMATA dapat melahirkan pelajar yang mantap di dalam pengajian Al-Quran. Pendedahan system ini dapat menarik minat pelajar untuk membaca, memahami, menghafal dan mengaplikasikan Al-Quran di dalam kehidupan seharian.

Kajian secara ilmiah berkaitan Al-Quran telah dijalankan oleh (Purba, 2016) yang bertajuk (Pendekatan dalam Studi Al-Quran: Studi tentang Metode dan Pendekatan Al-Quran) membahaskan bahawa kitab Al-Quran satu-satunya kitab bacaan yang dijadikan ibadah dan membacanya mendapat pahala di sisi Allah. Ianya dijaga daripada diseleweng sehingga ke hari kiamat dan ditujukan kepada seluruh umat Islam di atas muka bumi ini.

Menurut (Sudin, 2002) yang telah menjalankan kajian mengenai pembacaan Al-Quran di kalangan mahasiswa Melayu di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Berdasarkan kajian terbabit, beliau mendapati 72% mahasiswa boleh membaca Al-Quran pada kedudukan sederhana, 21% adalah lancar dan 7% tidak lancar. Di samping itu, 93% daripada mereka merasakan ketenangan tatkala membaca Al-Quran, 2% pula tidak merasa apa-apa dan bakinya sebanyak 5% tidak pasti.

Artikel daripada Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan “Irsyad Al-Fatwa siri ke-482: hukum membaca Al-Quran dengan bertajwid adalah wajib. Lantaran itu, bagi sesiapa yang ingin membaca Al-Quran, wajib ke atasnya mempelajari ilmu tajwid yang asas dan ini bagi mengelakkan dari tersilap ketika membaca yang boleh membawa kepada perubahan lafaz dan makna sedangkan keduanya adalah kesalahan yang besar dalam pembacaan Al-Quran.

Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan, pengkaji mendapati perlu ada satu kajian berkaitan hukum tajwid dijalankan di tempat pengkaji bertugas. Justeru itu kajian ini dibuat adalah untuk melihat sejauh mana kefahaman hukum tajwid dan penguasaan pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar Muslim di Kolej Komuniti Penampang kerana mereka menjadi contoh tauladan dan duta kecil buat rakan-rakan mereka yang bukan Islam supaya melihat keindahan agama Islam dapat dirasai di mana-mana sahaja. Pada masa yang sama pengkaji dapat menilai tahap penguasaan bacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar Muslim di Kolej Komuniti Penampang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Melalui pendekatan kuantitatif kajian ini, pengumpulan data dilaksanakan secara tinjauan kerana kaedah tinjauan sesuai digunakan terutama dalam bidang sains sosial. Kaedah tinjauan juga popular dalam penyelidikan pendidikan kerana penggunaannya yang menyeluruh untuk mendapatkan maklumat dan

menerangkan pelbagai aspek seperti sikap, perasaan, pendirian, perlakuan, kepercayaan, nilai, persepsi dan pendapat individu tentang sesuatu dasar atau isu serta personaliti.

Tambahan lagi, kaedah tinjauan melalui pengedaran soal selidik membolehkan jawapan dikumpulkan secara terus daripada responden dalam masa yang singkat. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik juga merupakan kaedah terbaik kajian ini untuk memungut data yang asli. Oleh itu, data kuantitatif daripada soal selidik yang telah dikumpul, dianalisis dan keputusan analisis tersebut dikenal pasti untuk diperbincangkan.

Saiz sampel kajian ditentukan dengan mengambil kira pandangan dan garis panduan yang dikemukakan oleh beberapa orang pengkaji. Berpandukan jadual penentuan Krejcie dan Morgan (1970), jumlah minimum sampel yang diperlukan hanyalah 80 orang bagi populasi seramai 100 orang. Namun, mengambil kira pandangan-pandangan Cohen et al. (2001) dan Sekaran (2003), serta pandangan Gay dan Airasian (2003) yang menyatakan bahawa saiz sampel yang melebihi had akan lebih dipercayai dan meyakinkan, kajian ini menetapkan soal selidik diedarkan kepada seramai 100 orang. Mereka ialah pelajar Muslim di Kolej Komuniti Penampang, Sabah. Responden dipilih berdasarkan kaedah persampelan.

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, kajian rintis terlebih dahulu dilaksanakan. Melalui kajian rintis, seseorang penyelidik akan memperoleh pengalaman yang bermakna dan berguna memandangkan masalah yang tidak dijangkakan akan ditemui (Gay & Airasian, 2006) dan kekeliruan dalam format dan perkataan yang digunakan dalam soal selidik dapat dikurangkan (Sekaran & Bougie, 2016). Setelah kajian rintis dilaksanakan, penambahbaikan dilakukan ke atas kertas soal selidik agar senang difahami oleh responden. Ini meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan item soal selidik (Konting, 2004). Dengan itu, maklumat awal dapat diperoleh bagi memastikan sama ada item-item yang telah direka bentuk sesuai untuk mengukur setiap konstruk atau sebaliknya. Dengan itu, item yang perlu dikekalkan, diperbaiki atau digugurkan dapat dikenal pasti bagi memantapkan soal selidik serta memudahkan proses analisis data.

Sebanyak 100 responden daripada pelbagai pengkhususan mengembalikan soal selidik dan dapat diproses. Pengkaji menggunakan kaedah peratusan untuk menilai tahap kefahaman pelajar berkaitan hukum tajwid. Pengkaji memberikan nisbah 1:3 terhadap keputusan data iaitu 0.1% sehingga 33.33% kepada tahap kefahaman penguasaan hukum tajwid yang rendah, manakala 33.34% sehingga 66.66% berada pada tahap kefahaman penguasaan hukum tajwid yang sederhana dan 66.67% sehingga 100% menunjukkan tahap kefahaman penguasaan hukum tajwid berada pada tahap yang tinggi. Pengkaji mengambil 50 sampel daripada pelajar lelaki dan 50 sampel daripada pelajar perempuan. Ini bermakna setiap pelajar mewakili 1% bagi penambahan dan pengurangan setiap item soal selidik yang ditanya oleh pengkaji.

ANALISIS DATA

Pengkaji menggunakan kaedah kefahaman hukum tajwid untuk mengukur sejauh mana penguasaan di dalam pembacaan Al-Quran dalam kalangan responden. Hukum tajwid yang dikaji adalah berasaskan kepada hukum asas dalam kefahaman tajwid iaitu kaedah memahami hukum nun, tanwin dan mim mati terdiri daripada hukum tajwid izhar halqi, ihfa' haqiqi, iqlab, idgham maal ghunnah, idgham bila ghunnah, izhar syafawi dan ihfa' syafawi. Berikut ialah analisis data yang telah dikumpul daripada responden melalui soal selidik.

Tahap Kefahaman Penguasaan Hukum Tajwid Dalam Kalangan Responden

Jadual 1.0
Distribusi hukum tajwid izhar halqi dalam kalangan responden

Hukum tajwid izhar halqi	N	Peratusan (%)
Menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	8	8
Menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	20	20
Tidak menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	42	42
Tidak menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	30	30
Jumlah	100	100

Berdasarkan kepada jadual 1.0 di atas menunjukkan bahawa penguasaan hukum tajwid izhar halqi dalam kalangan responden perempuan lebih baik daripada responden lelaki. Hanya 8 orang responden lelaki mewakili 8% dapat menguasai hukum tajwid izhar halqi berbanding perempuan seramai 20 orang mewakili 20%. Terdapat 42 orang responden lelaki tidak menguasai hukum tajwid izhar halqi membawa peratusan yang sangat tinggi jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden lelaki sahaja iaitu sebanyak 84%. Manakala responden perempuan pula seramai 30 orang yang tidak menguasai hukum tajwid izhar halqi membawa peratusan pada tahap sederhana jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden perempuan sahaja iaitu sebanyak 60%. Data ini menunjukkan bahawa terdapat kesalahan yang banyak dilakukan oleh responden semasa membaca Al-Quran berdasarkan kepada hukum tajwid izhar halqi yang terdapat di dalam Al-Quran kerana seramai 72 orang responden mewakili 72% tidak menguasai hukum tajwid izhar halqi menunjukkan kepada peratusan berada pada tahap tinggi.

Jadual 1.1
Distribusi hukum tajwid ihfa' haqiqi dalam kalangan responden

Hukum tajwid ihfa' haqiqi	N	Peratusan (%)
Menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	15	15
Menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	25	25
Tidak menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	35	35
Tidak menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	25	25
Jumlah	100	100

Berdasarkan kepada jadual 1.1 di atas menunjukkan bahawa penguasaan hukum tajwid ihfa' haqiqi dalam kalangan responden perempuan lebih baik daripada responden lelaki. Hanya 15 orang responden lelaki mewakili 15% dapat menguasai hukum tajwid ihfa' haqiqi berbanding perempuan seramai 25 orang mewakili 25%. Terdapat 35 orang responden lelaki tidak menguasai hukum tajwid ihfa' haqiqi membawa peratusan yang sangat tinggi jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden lelaki sahaja iaitu sebanyak 70%. Manakala responden perempuan pula seramai 25 orang yang tidak menguasai hukum tajwid izhar halqi membawa peratusan pada tahap sederhana jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden perempuan sahaja iaitu sebanyak 50%. Data ini menunjukkan bahawa terdapat kesalahan yang hampir banyak dilakukan oleh responden semasa membaca Al-Quran berdasarkan kepada hukum tajwid ihfa' haqiqi yang terdapat di dalam Al-Quran kerana seramai 60 orang responden mewakili 60% tidak menguasai hukum tajwid ihfa' haqiqi menunjukkan kepada peratusan berada pada tahap sederhana.

Jadual 1.2
Distribusi hukum tajwid iqlab dalam kalangan responden

Hukum tajwid iqlab	N	Peratusan (%)
Menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	5	5
Menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	16	16
Tidak menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	45	45
Tidak menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	34	34
Jumlah	100	100

Berdasarkan kepada jadual 1.2 di atas menunjukkan bahawa penguasaan hukum tajwid iqlab dalam kalangan responden perempuan lebih baik daripada responden lelaki. Hanya 5 orang responden lelaki mewakili 5% dapat menguasai hukum tajwid iqlab berbanding perempuan seramai 16 orang mewakili 16%. Terdapat 45 orang responden lelaki tidak menguasai hukum tajwid iqlab membawa peratusan yang sangat tinggi jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden lelaki sahaja iaitu sebanyak 90%. Manakala responden perempuan pula seramai 34 orang yang tidak menguasai hukum tajwid iqlab membawa peratusan pada tahap tinggi jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden perempuan sahaja iaitu sebanyak 68%. Data ini menunjukkan bahawa terdapat kesalahan yang banyak dilakukan oleh responden semasa membaca Al-Quran berdasarkan kepada hukum tajwid iqlab yang terdapat di dalam Al-Quran kerana seramai 79 orang responden mewakili 79% tidak menguasai hukum tajwid iqlab menunjukkan kepada peratusan berada pada tahap tinggi.

Jadual 1.3
Distribusi hukum tajwid idgham maal ghunnah dalam kalangan responden

Hukum tajwid idgham maal ghunnah	N	Peratusan (%)
Menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	13	13
Menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	7	7
Tidak menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	37	37
Tidak menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	43	43
Jumlah	100	100

Berdasarkan kepada jadual 1.3 di atas menunjukkan bahawa penguasaan hukum tajwid idgham maal ghunnah dalam kalangan responden lelaki lebih baik daripada responden perempuan. Hanya 7 orang responden perempuan mewakili 7% dapat menguasai hukum tajwid idgham maal ghunnah berbanding lelaki seramai 13 orang mewakili 13%. Terdapat 43 orang responden perempuan tidak menguasai hukum tajwid idgham maal ghunnah membawa peratusan yang sangat tinggi jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden perempuan sahaja iaitu sebanyak 86%. Manakala responden lelaki pula seramai 37 orang yang tidak menguasai hukum tajwid idgham maal ghunnah membawa peratusan pada tahap tinggi jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden lelaki sahaja iaitu sebanyak 74%. Data ini menunjukkan bahawa terdapat kesalahan yang banyak dilakukan oleh responden semasa membaca Al-Quran berdasarkan kepada hukum tajwid idgham maal ghunnah yang terdapat di dalam Al-Quran kerana seramai 80 orang responden mewakili 80% tidak menguasai hukum tajwid idgham maal ghunnah menunjukkan kepada peratusan berada pada tahap tinggi.

Jadual 1.4
Distribusi hukum tajwid idgham bila ghunnah dalam kalangan responden

Hukum tajwid idgham bila ghunnah	N	Peratusan (%)
Menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	11	11
Menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	9	9
Tidak menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	39	39
Tidak menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	41	41
Jumlah	100	100

Berdasarkan kepada jadual 1.4 di atas menunjukkan bahawa penguasaan hukum tajwid idgham bila ghunnah dalam kalangan responden lelaki lebih baik daripada responden perempuan. Hanya 9 orang responden perempuan mewakili 9% dapat menguasai hukum tajwid idgham bila ghunnah berbanding lelaki seramai 11 orang mewakili 11%. Terdapat 41 orang responden perempuan tidak menguasai hukum tajwid idgham bila ghunnah membawa peratusan yang sangat tinggi jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden perempuan sahaja iaitu sebanyak 82%. Manakala responden lelaki pula seramai 39 orang yang tidak menguasai hukum tajwid idgham bila ghunnah membawa peratusan pada tahap tinggi jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden lelaki sahaja iaitu sebanyak 78%. Data ini menunjukkan bahawa terdapat kesalahan yang banyak dilakukan oleh responden semasa membaca Al-Quran berdasarkan kepada hukum tajwid idgham bila ghunnah yang terdapat di dalam Al-Quran kerana seramai 80 orang responden mewakili 80% tidak menguasai hukum tajwid idgham bila ghunnah menunjukkan kepada peratusan berada pada tahap tinggi.

Jadual 1.5
Distribusi hukum tajwid izhar syafawi dalam kalangan responden

Hukum tajwid izhar syafawi	N	Peratusan (%)
Menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	15	15
Menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	15	15
Tidak menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	35	35
Tidak menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	35	35
Jumlah	100	100

Berdasarkan kepada jadual 1.5 di atas menunjukkan bahawa penguasaan hukum tajwid izhar syafawi dalam kalangan responden lelaki dan responden perempuan adalah sama. Hanya 30 orang responden perempuan dan lelaki mewakili 30% dapat menguasai hukum tajwid izhar syafawi. Terdapat 35 orang responden perempuan dan begitu juga responden lelaki seramai 35 orang tidak menguasai hukum tajwid izhar syafawi membawa peratusan yang sangat tinggi jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden iaitu sebanyak 70%. Data ini menunjukkan bahawa terdapat kesalahan yang banyak dilakukan oleh responden semasa membaca Al-Quran berdasarkan kepada hukum tajwid izhar syafawi yang terdapat di dalam Al-Quran kerana seramai 70 orang responden mewakili 70% tidak menguasai hukum tajwid izhar syafawi menunjukkan kepada peratusan berada pada tahap tinggi.

Jadual 1.6
Distribusi hukum tajwid ihfa' syafawi dalam kalangan responden

Hukum tajwid ihfa' syafawi	N	Peratusan (%)
Menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	6	6
Menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	10	10
Tidak menguasai hukum tajwid (responden lelaki)	44	44
Tidak menguasai hukum tajwid (responden perempuan)	40	40
Jumlah	100	100

Berdasarkan kepada jadual 1.6 di atas menunjukkan bahawa penguasaan hukum tajwid ihfa' syafawi dalam kalangan responden perempuan lebih baik daripada responden lelaki. Hanya 10 orang responden perempuan mewakili 10% dapat menguasai hukum tajwid ihfa' syafawi berbanding lelaki seramai 6 orang mewakili 6%. Terdapat 40 orang responden perempuan tidak menguasai hukum tajwid ihfa' syafawi membawa peratusan yang sangat tinggi jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden perempuan sahaja iaitu sebanyak 80%. Manakala responden lelaki pula seramai 44 orang yang tidak menguasai hukum tajwid ihfa' syafawi membawa peratusan pada tahap tinggi jika dinisbahkan kepada keseluruhan responden lelaki sahaja iaitu sebanyak 88%. Data ini menunjukkan bahawa terdapat kesalahan yang banyak dilakukan oleh responden semasa membaca Al-Quran berdasarkan kepada hukum tajwid ihfa' syafawi yang terdapat di dalam Al-Quran kerana seramai 84 orang responden mewakili 84% tidak menguasai hukum tajwid ihfa' syafawi menunjukkan kepada tahap peratusan berada pada kadar yang tinggi.

Punca Pelajar Minat Membaca Al-Quran

Berikut ialah alasan yang diberikan oleh responden berkaitan punca minat untuk membaca Al-Quran;

Jadual 2.0
Distribusi alasan minat membaca Al-Quran dalam kalangan responden

Alasan responden minat membaca Al-Quran	N	Peratusan (%)
1. Bergaul dengan pelajar bukan Islam	30	30
2. Mencari jawapan tentang Islam apabila ditanya berkaitan agama oleh kawan-kawan yang bukan beragama Islam	25	25
3. Mengatasi kemurungan dan kegagalan di dalam ujian ketika belajar.	20	20
4. Berlatar belakang daripada sekolah aliran agama.	12	12
5. Mencari ketenangan apabila berlaku masalah dalam hidup seperti masalah kewangan dan putus cinta.	8	8
6. Mendapatkan pahala setelah melakukan dosa kecil atau besar	5	5
Jumlah	100	100

Berdasarkan kepada jadual 2.0 di atas, pengkaji mendapati bahawa alasan tertinggi yang diberikan oleh responden ialah bergaul dengan pelajar bukan Islam adalah tarikan dan minat responden untuk membaca Al-Quran mewakili 30 orang bersamaan 30%. Hal ini menjadikan pelajar sangat bersungguh-sungguh untuk mempamerkan Islam kepada pelajar bukan Islam. Alasan kedua tertinggi yang diberikan responden sangat munasabah kerana pengkaji sendiri selalu dirujuk oleh pelajar Islam untuk menerangkan tentang agama Islam kepada pelajar bukan Islam. Alasan ketiga tertinggi mewakili 20 orang bersamaan 20% menunjukkan bahawa responden membaca Al-Quran untuk mengatasi kemurungan dan kegagalan di dalam ujian ketika belajar. Seramai 12 Orang mewakili 12% memberikan alasan keempat tertinggi iaitu minat membaca Al-Quran adalah kerana datang daripada sekolah beraliran agama. Putus cinta dan masalah kewangan menjadi pilihan jawapan responden yang kelima tertinggi iaitu bersamaan 8 orang mewakili 8% sebagai alasan minat membaca Al-Quran. Terdapat 5 orang responden mewakili 5% memberikan jawapan bahawa minat membaca Al-Quran adalah disebabkan sering melakukan dosa kecil atau besar menjadikan pilihan jawapan terakhir dalam kalangan responden.

Punca Pelajar Tidak Minat Membaca Al-Quran

Berikut ialah alasan yang diberikan oleh responden berkaitan punca tidak minat untuk membaca Al-Quran;

Jadual 2.1
Distribusi alasan tidak minat membaca Al-Quran dalam kalangan responden

Alasan responden tidak minat membaca Al-Quran	N	Peratusan (%)
1. Lemah di dalam penguasaan hukum tajwid	48	48
2. Malas	20	20
3. Tugas yang dibekalkan pensyarah terlalu banyak	12	12
4. Bersukan	9	9
5. Leka menonton televisyen	7	7
6. Bermain permainan dalam talian	4	4
Jumlah	100	100

Berdasarkan kepada jadual 2.1 di atas, pengkaji mendapati bahawa pelajar yang lemah hukum tajwid tidak menarik minat pelajar untuk membaca Al-Quran menjadi alasan tertinggi yang telah diberikan oleh responden iaitu seramai 48 orang mewakili 48%. Malas adalah alasan kedua tertinggi pelajar tidak minat di dalam membaca Al-Quran mewakili 20 orang bersamaan 20% dalam kalangan responden. Tugas terlalu banyak yang dibekalkan oleh pensyarah adalah alasan ketiga tertinggi yang diberikan oleh responden mewakili 12% bersamaan 12 orang menjadikan alasan responden tidak minat membaca Al-Quran. Alasan bersukan, leka menonton televisyen dan bermain permainan dalam talian, masing-masing merangkumi peratusan di bawah 10% menjawab alasan kenapa responden tidak minat membaca Al-Quran.

PERBINCANGAN

Agama Islam menyeru kepada seluruh umat Islam agar mendekatkan diri dengan Kalam Allah. Pada masa yang sama tidak berputus asa menuntut ilmu dan berusaha mempelajari serta membaca Al-Quran dengan tajwid yang betul. Firman Allah S.W.T yang bermaksud;

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً

Maksudnya:

“Dan bacalah Al-Quran itu dengan perlahan-lahan”.

(Surah Al-Muzzammil, 73:4)

Terdapat pelbagai Hadis Nabi Muhammad S.A.W juga menyokong supaya Al-Quran itu dipelajari dan dibaca dengan bacaan yang indah antaranya Sabda Baginda yang mafhumnya;

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَتَغَنَّ بِالْقُرْآنِ

Maksudnya:

“Bukan dari kalangan kami mereka yang tidak memperindahkannya bacaan al-Quran”.

(Sahih Bukhari, Hadis yang bernombor 7527)

Kedua-dua dalil di atas saling menguatkan antara satu sama lain untuk menggalakkan manusia yang beriman supaya membaca Al-Quran dengan kaedah yang betul. Justeru itu, pembacaan Al-Quran perlulah berdasarkan kepada ilmu tajwid. Tanpa mempelajari ilmu tajwid, seseorang Muslim tidak dapat mengenali kaedah membaca Al-Quran yang betul sekaligus tidak memperoleh kefahaman dan penghayatan semasa membacanya. Sehubungan dengan itu, minat untuk membaca Al-Quran akan hilang dan menjadi penghalang terbesar untuk membacanya kerana tidak menguasai atau lemah di dalam memahami hukum tajwid.

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa tahap penguasaan hukum tajwid dan pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar Muslim Kolej Komuniti Penampang Sabah adalah lemah. Justeru itu pengkaji telah merangka beberapa program pelajar hasil daripada kajian ini untuk menjadikan pelajar Kolej Komuniti Penampang Sabah dapat meningkatkan tahap penguasaan hukum tajwid dan pembacaan Al-Quran di tahap yang lebih baik daripada sekarang.

Al-Quran merupakan pegangan orang Islam. Sebaik-baik akhlak adalah akhlak Al-Quran dan sebaik-baik sumber ilmu juga daripada Al-Quran. Ianya perlu diajar sejak kecil agar mereka mampu menguasai dengan baik. Kemampuan membaca Al-Quran dengan baik akan membentuk peribadi mulia kepada pembacanya. Ketenangan jiwa, berfikiran positif dan hati yang bersih adalah lahir daripada pembaca Al-Quran yang baik. Ianya juga akan mendorong pelajar untuk menjadi muslim sejati dan menjadi penyebab untuk masuk ke dalam syurga kelak.

RUJUKAN

- al-Quran Tafsir Bil Hadis Multazam, Hussamuddin Yaacub, (2016), Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Khan, M. M. (1986). *Sahib Bukhari*. Peace Vision.
- Pitriani, E. (2022). Peningkatan Kecerdasan Emosional Dengan Membiasakan Membaca Al-Quran Pada Siswa Di SMP Negeri 66 Bengkulu Utara. *GUAU: Jurnal Pendidikan Profesi Guru Agama Islam*, 2(8), 99-104.
- Sakrani, A. (2020). Pengaruh Tutor Sebaya terhadap kemampuan membaca Al-Quran di Madrasah Aliyah Nurul Mujtahidin NW Janapria. *al-Hikmah: Jurnal Studi Islam*, 1(1), 104-114.
- Purba, F. (2016). Pendekatan dalam Studi Al-Quran: Studi tentang Metode dan Pendekatan Al-Quran. *Jurnal As-Salam*, 1(2), 27-38.
- Hilmi, A. B. B. A., Zakaria, Z., & Spawi, M. (2017). Pembinaan Modul Pendidikan Al-Quran untuk Pelajar Pintar Berbakat: Pendekatan di Kolej Permata Insan. *Al-Qanadir International Journal of Islamic Studies*.
- Sudin, S. F. (2002). Pembinaan al-Quran dikalangan Mahasiswa Melayu: Suatu Kajian di UTM Shah Alam. *Kuala Lumpur: Universiti Malaya*.
- Konting, M. M. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill building approach*. John Wiley & Sons.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2001). *Research Methods in Education*. Ed. ke-5. London: Routledge Falmer.
- Gay, L. R. & Airasian, P. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. Ed. ke-6. New Jersey: Pearson Education.
- Amir, M. A. (2019). *Ilmu Tajwid Praktis*. Pustaka Baitul Hikmah Harun Ar-Rasyid.
<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/irsyad-fatwa-umum/4409-irsyad-al-fatwa-siri-ke-482-hukum-membaca-al-quran-dengan-bertajwid>

BAB 3

Pengenalan Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia

Anisah Razali¹, Noornajihan Jaafar^{2*} & Mohd Nur Adzam Rasdi²

¹Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

²Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum, USIM

*Corresponding author: noornajihan@usim.edu.my

PENDAHULUAN

Menuntut ilmu tidak terbatas pada komuniti tipikal sahaja, malah komuniti OKU juga perlu diberi ruang dan peluang dalam mempelajari serta mendalami al-Quran. Terdapat pelbagai modul pembelajaran al-Quran untuk tipikal di pasaran, namun tidak banyak modul dibangunkan bagi keperluan Orang Kurang Upaya Penglihatan (OKU Penglihatan) untuk mempelajari al-Quran Braille. Dalam masa yang sama Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menerbitkan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM) yang telah dirasmikan oleh Senator Datuk Idris Ahmad, Menteri Hal Ehwal Agama pada 26 April 2022. Mashaf tersebut merupakan usaha penambahbaikan yang dilakukan terhadap mashaf al-Quran braille yang digunakan sebelum ini. Antara penambahbaikan yang dibuat pada MQBM adalah penerapan pendekatan Rasm Uthmani. Penerbitan MQBM yang baharu ini dapat meningkatkan mutu pembacaan al-Quran komuniti OKU penglihatan. Maka terdapat keperluan dalam kalangan komuniti OKU Penglihatan untuk memahami dan menguasai penambahbaikan yang berlaku pada MQBM.

Hasil gandingan kepakaran dan kemahiran antara ahli penyelidik dari Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Persatuan Orang-Orang Cacat Muslim Malaysia (PERTIS) melalui geran penyelidikan sepadan (Research Matching Grant) telah menghasilkan Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille. Ia adalah antara modul terawal yang menerangkan berkenaan penulisan MQBM. Tujuan modul ini diterbitkan adalah untuk menyelaras dan menyebarkan kefahaman dan penguasaan kumpulan sasaran berkaitan kaedah baharu penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia berasaskan Rasm Uthmani. Malah, ia juga bertujuan menjadi rujukan dan panduan bagi meningkatkan kefahaman dan tahap penguasaan pengguna terhadap pengajaran dan pembelajaran al-Quran Braille Malaysia.

LATAR BELAKANG MODUL PENGAJARAN MASHAF AL-QURAN BRAILLE MALAYSIA

MPQBM diterbitkan dibawah Penerbit USIM dalam dua format, iaitu edisi Roman bercetak dan edisi tulisan Braille. Penggubal MPQBM terdiri seramai 10 orang ahli dimana sebahagian daripada mereka merupakan para penyelidik di Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), USIM dan PERTIS. Sebahagian daripada para penggubal ini adalah terdiri daripada barisan ahli Lajnah Tasheh Quran Braille Malaysia dan bersama-sama membangunkan MQBM. MPQBM merupakan sebuah hasil usaha dalam memperkenalkan MQBM kepada masyarakat secara meluas. Modul ini dibina berasaskan buku Garis Panduan Penulisan Al-Quran Braille Standard Malaysia terbitan Kementerian Dalam Negeri (KDN) tahun 2021 yang menekankan kaedah penulisan Rasm Uthmani. Ia mengupas dari konteks sejarah, sistem penulisan Braille, kod-kod Braille Rasm dan Dhabit

yang diaplikasikan dalam MQBM khususnya. Modul ini mengandungi 160 halaman tidak termasuk isi kandungan serta prakata. Pada kebanyakan halaman di dalam modul ini dilengkapi dengan contoh penulisan Braille dan kod-kod Braille bagi memudahkan kefahaman pembaca.

KEPERLUAN PEMBINAAN MODUL PENGAJARAN MASHAF AL-QURAN BRAILLE MALAYSIA

Penghasilan MPQBM adalah sangat diperlukan selepas MQBM dibangunkan. Ia menjadi keperluan kepada para pengajar al-Quran dalam mengajar komuniti OKU MP untuk memahami dan menguasai penambahbaikan yang berlaku dalam MQBM. Ia juga adalah sebagai pengenalan kepada MQBM.

Seperti yang dinyatakan oleh Panel 1; *“Mashaf al-Quran Braille Malaysia ini memang tak ada satu modul lain lagi yang pernah dibuat sebab Mashaf al-Quran Braille Malaysia ini pun baru sahaja diterbitkan. Ia baru dilancarkan tahun ini dan dengan pelancaran itupun sekadar pelancaran. Masih belum ada penggunaan yang meluas lagi dalam kalangan orang buta sendiri. Jadi, apabila ada satu bahan al-Quran Braille dilancarkan, dia memerlukan kepada intro ataupun bagaimana cara nak menggunakan al-Quran Braille tu”*.

Menurut Panel 2 pula, terdapat satu dokumen yang telah dihasilkan oleh KDN iaitu Garis Panduan Penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia. Namun, buku tersebut tidak sesuai untuk dijadikan panduan pengajaran dan pembelajaran kerana ia dihasilkan sebagai garis panduan untuk menulis al-Quran Braille. Maka, sebuah modul pengajaran amat diperlukan sebagai satu bahan rujukan dan panduan bagi meningkatkan kefahaman dan tahap penguasaan guru dan pengguna terhadap PdP al-Quran Braille.

Bahkan, menurut kedua-dua pengubal MPQBM menyatakan tiada lagi modul yang standard lengkap bercetak berkaitan pengajaran al-Quran Braille tidak seperti negara jiran lain seperti Indonesia. Sebelum ini, terdapat beberapa bahan berbentuk nota dihasilkan oleh para pengajar berdasarkan pengalaman mereka. Namun, masih belum wujud lagi modul yang lengkap yang dihasilkan dengan mempunyai tajuk-tajuk khas berkaitan penulisan al-Quran Braille serta latihan pengukuhan. Justeru, Modul MPQBM ini dibangunkan dengan gabungan kepakaran bidang *Dhabit* Rasm al-Quran dan bidang penulisan Braille.

MATLAMAT DAN OBJEKTIF MODUL PENGAJARAN MASHAF AL-QURAN BRAILLE MALAYSIA


- 1) Berperanan sebagai panduan kepada komuniti OKU MP dalam mempelajari dan membaca al-Quran sesuai dengan evolusi yang berlaku terhadap mashaf al-Quran Braille.
- 2) Berperanan sebagai rujukan dan panduan bagi meningkatkan kefahaman dan tahap penguasaan pengguna terhadap PdP al-Quran Braille.
- 3) Menyelaras dan menyebarkan kefahaman dan penguasaan kumpulan sasar berkaitan kaedah baharu penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia berasaskan *Rasm Uthmani*.

STRUKTUR KANDUNGAN

Metodologi yang digunakan dalam penghasilan modul ini ialah pendekatan model ADDIE iaitu *Analyze, Design, Develop, Implement, dan Evaluate*. Pembangunan modul ini berasaskan Garis Panduan Penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia terbitan KDN yang menekankan kaedah penulisan *Rasm Uthmani*. Inisiatif pembangunan modul ini bertujuan menjadi panduan dalam meningkatkan kefahaman dan tahap penguasaan pengguna terhadap MQBM. Modul ini memfokuskan lima topik utama iaitu, ilmu penulisan dan pembacaan al-Quran, sistem penulisan Braille, kod mashaf al-Quran Braille Malaysia, tanda baca khas dan kaedah umum penulisan al-Quran Braille. Modul ini memberi tumpuan kepada perkara-perkara baharu yang diperkenalkan melalui MQBM. Seterusnya, modul ini juga banyak memaparkan contoh dan bersesuaian dengan topik yang dibincangkan.

Pertama, penekanan yang disentuh adalah mengenai keperluan dalam penambahbaikan daripada al-Quran Braille lama kepada al-Quran Braille baharu. Ia telah ditulis dalam Bab 1 mengenai Ilmu Penulisan al-Quran. Pengguna akan diterangkan secara terperinci sejarah perkembangan penulisan teks al-Quran sehinggalah justifikasi penambahbaikan terhadap mashaf al-Quran Braille. Mashaf al-Quran Braille sedia ada perlu ditambahbaik dengan merujuk kepada kaedah penulisan *Rasm Uthmani* seperti praktikal di dalam penulisan Mashaf al-Quran bercetak.


Apabila tercetusnya kesedaran mengenai keperluan untuk menulis al-Quran mengikut kaedah *Rasm Uthmani*, bab seterusnya memperkenalkan sistem penulisan Braille. Bab 2 tersebut menjelaskan sejarah perkembangan penulisan titik timbul yang dikenali tulisan Braille sebagai medium literasi komuniti OKU MP. Tulisan titik timbul ini telah diadaptasi dalam penulisan al-Quran Braille. Bab 1 dan Bab 2 banyak memaparkan pelbagai rajah yang berwarna bagi menarik minat pengguna. Di bawah menunjukkan beberapa rajah berwarna yang terdapat di dalam MPQBM.





Rajah 1: Rajah berwarna dalam MPQBM

KEUNIKAN DAN KEISTIMEWAAN MODUL PENGAJARAN MASHAF AL-QURAN BRAILLE MALAYSIA

Modul ini adalah modul pertama yang dibangunkan khas dalam pengajaran al-Quran Braille di Malaysia. Ia diterbitkan dalam dua versi cetakan iaitu versi bercetak bagi yang berpenglihatan dan versi Braille bagi komuniti OKU MP. Ia bertujuan memenuhi keperluan komuniti OKU MP dalam memahami dan mempelajari al-Quran Braille sesuai dengan kekuatan dan kelainan upaya belajar mereka. Menurut Panel 1, *“Ia disusun satunya sesuai ataupun mesra untuk OKU buta bila diterjemahkan ke dalam bentuk Braille, dia tak macam sebahagian modul untuk orang celik. Ia memang boleh diterjemah je ke dalam bentuk Braille tapi kadang-kadang bila diterjemah dalam bentuk Braille dia tidak selari kan ataupun dia tidak mesra pengguna. Cara susunan terutamanya sekali susunannya kalau macam contohnya buku-buku...kalau banyak sangat jadual, banyak sangat graf, Dia kurang sesuai dengan OKU MP bila nak dibraillekan itu kemungkinan dia tak mencapai maksud”*. Rajah 3 dan rajah 4 menunjukkan 2 buah MPQBM dalam 2 versi cetakan:



Rajah 3: MPQBM versi bercetak



Rajah 4: MPQBM versi Braille

Manakala Panel 2 mengatakan bahawa terdapat banyak bahan modul pengajaran Braille diterbitkan oleh negara jiran. Namun, apabila Malaysia telah menghasilkan MQBM, maka ia perlu kepada satu dokumen yang menjadi pengenalan kepada penulisan MQBM. Perubahan-perubahan dalam penulisan MQBM adalah terkini dan masih belum diterokai oleh negara-negara lain.

Pembangunan modul ini dirangka dengan menghubungkan kait nilai ilmu secara teori dan nilai kemahiran secara praktikal. Keunikan pendekatan kandungan modul ini dimulakan dengan perbincangan berasaskan prinsip ilmu *Rasm* dan *Dhabit al-Quran*. Kaedah penulisan modul ini juga adalah ringkas, padat dan mengemukakan contoh-contoh bagi memudahkan pengguna memahami konteks perbincangan dengan lebih berkesan. Di samping itu, MPQBM versi Braille turut disertakan nombor muka surat bercetak bagi memudahkan sesi pembelajaran antara mereka yang berpenglihatan dan OKU MP.

PERANCANGAN PENGEMBANGAN MODUL PENGAJARAN MASHAF AL-QURAN BRAILLE MALAYSIA

Terdapat beberapa perancangan dalam menyebarkan penggunaan MPQBM. Antaranya dengan mengadakan bengkel *Training of Trainers* (ToT) pengajaran MQBM. Menurut Panel 1, bengkel ToT akan dijalankan kepada para pengajar untuk memberi pendedahan berkaitan kaedah penulisan MQBM. Bengkel tersebut akan dijalankan mengikut beberapa peringkat iaitu peringkat KPT, KPM dan pusat-pusat pengajian al-Quran Braille. Maka, modul ini akan digunakan dalam bengkel tersebut. Ia telah dinyatakan oleh Panel 2 iaitu;

“Sebenarnya, sama ada mereka secara sedar atau tidak, apabila mereka hendak menggunakan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia yang terkini ni, mereka juga perlu menggunakan juga modul ini. Apa yang akan berlaku ialah dari pandangan saya ialah modul ini dapat permintaan yang baik daripada tenaga pengajar. Pihak PERTIS perlu giat mengaktifkan pelaksanaan bengkel pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia ini. Jadi, apabila sesi-sesi bengkel ini aktif, maka mereka perlukan modul untuk dijadikan panduan mengajar. Ketiga, pihak KPM perlu aktifkan sesi bengkel di peringkat KPM. Hal yang sama juga akan berlaku. Mereka akan cari juga modul. Sebab modul ini bahan dia dah tetap. Apabila bengkel aktif dijalankan dimana-mana pihak, maka mereka tidak lari dengan menggunakan modul ini.”

Oleh demikian, setiap kelemahan dan kekurangan yang dapat dikenal pasti melalui penggunaan MPQBM edisi pertama akan ditambahbaik dalam penerbitan MPQBM edisi kedua. Namun begitu, Panel 1 mencadangkan agar hasil penelitian penggunaan MPQBM daripada sesi ToT, berupaya menghasilkan beberapa modul lain mengikut kategori latar belakang penguasaan al-Quran Braille.

Perancangan seterusnya adalah menghasilkan MPQBM dalam pelbagai terjemahan bahasa. MPQBM akan diterjemahkan apabila MQBM berpotensi diperkenalkan di negara-negara jiran seperti yang dinyatakan oleh Panel 2; *“Modul ini memberi tumpuan kepada mereka yang ingin mempelajari kaedah Mashaf Al-Quran Braille Malaysia yang baru diperkenalkan. Bahkan saya rasa kalau masa-masa akan datang kalau modul ini diterjemahkan dalam bahasa-bahasa lain contoh Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris terutamanya. Jadi, ia berpotensi besar untuk memberi maklumat kepada pengguna sasaran di luar negara untuk mengenali kaedah penulisan yang diperkenalkan oleh Mashaf Al-Quran Braille Malaysia. Itu pandangan saya.”*

Panel ini mengulas lanjut; *“Saya rasa negara-negara a'jam dan negara-negara bukan Arab lebih terbuka untuk menerima kaedah baru kaedah penulisan Al-Quran Braille seperti Turki, Indonesia dan negara-negara yang belum mengeluarkan Al-Quran Braille sendiri. Bagi saya kita mempunyai peluang yang besar untuk perkenalkan kaedah penulisan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia ini seperti Brunai. Mereka mendapatkan Al-Quran dari luar. Singapura pun sama... rasa mereka lebih terbuka untuk menerima Al-Quran daripada negara luar”.*

PENUTUP

Secara keseluruhan, kajian ini berkisar mengenai pengenalan latar belakang MPQBM. Penghasilan MPQBM telah membuka peluang yang lebih luas kepada OKU Penglihatan dalam mempelajari al-Quran mengikut mashaf al-Quran bercetak (*Rasm Uthmani*). Karya ini telah memberi sumbangan yang besar dalam pengajian Islam, khususnya terhadap pemahaman latar belakang MQBM serta kemahiran dalam menguasai sistem penulisan MQBM yang terkini. Ia juga menjadi sebuah langkah awal dalam mendekati komuniti OKU Penglihatan terhadap agama bermula dengan pembacaan al-Quran yang betul dan sempurna. Modul ini juga memberi manfaat sebagai rujukan kepada Bahagian Pendidikan

Islam (BPI), Bahagian Sumber Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Pusat-pusat Pendidikan al-Quran bagi OKU Penglihatan, Institusi Pendidikan Tinggi berkaitan dan syarikat penerbitan bahan bacaan versi Braille. Seterusnya berupaya menyebarkan penyelidikan dalam bidang ini demi masa depan yang lebih cerah kepada masyarakat dalam aspek pendidikan Quran. Justeru, penerbitan MPQBM menjadi bukti bahawa komuniti OKU Penglihatan turut diberi perhatian dalam agenda pendidikan Islam melalui penguasaan bacaan al-Quran.

PENGHARGAAN

Kertas ini disokong oleh geran kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (Matching Grant): (USIM/PERTIS/FPQS/LUAR-K/ 40721).

RUJUKAN

- Anisah Razali, Noornajihan Jaafar & Mohd Nur Adzam Rasdi. (2022). Sejarah Perkembangan Al-Quran Braille di Malaysia. *Proceeding of International Conference on Ummah 2022*, 874-883.
- Kementerian Dalam Negeri. (2021). *Standard Penulisan Mashaf Al Al-Quran Braille Malaysia*. Kuala Lumpur: KDN.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Abdul Qadir Umar Usman Al-Hamidy & Noornajihan Jaafar. (2013). *Pembangunan Braille Al-Quran Rasm Uthmani*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rabiatuladawiyah Saleh & Mohd Nizam Sahad. (2020). Sorotan Literatur Sistemik Isu dan Cabaran Pengajaran al-Quran Murid Berkeperluan Khas. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 199–211.
- Rahmah Hayati Musa, Noornajihan Ja'afar, Mohd Nur Adzam Rasdi & Anisah Razali. (2023). Tinjauan Buku Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 9(1), 70-75.

BAB 4

KRITERIA GURU AL-QURAN SEBAGAI CONTOH TELADAN MASYARAKAT MENURUT ULAMA

Mohamad Redha Mohamad¹ & Mohd Ikram Mohd Naw¹

¹Universiti Islam Selangor (UIS)

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Ia mengandungi penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia (Fadzil, 2018). Umat Islam mempelajari al-Quran dengan bimbingan guru bagi memperolehi dan mendapatkan cara bacaan yang sahih. Umum mengetahui al-Quran diwariskan kepada setiap generasi dengan kaedah mengambil bacaan daripada guru iaitu *talaqqi* secara *mushāfahāh* (A’Tarahim, Hisham & Shaifulbahri, 2009). Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran dari Jibril AS, para sahabat mengambil dari baginda, para tabiin mengambil dari sahabat dan begitulah seterusnya sehingga sampai bacaan al-Quran kepada generasi kita (Ahmad Sa’ad, 2013). Pembelajaran al-Quran dengan kaedah *talaqqi* secara *mushāfahāh* daripada guru kepada murid telah membentuk jalur sanad yang bersambung.

Sanad *talaqqi* al-Quran membawa maksud salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan al-Quran secara bersambung daripada sumber utama iaitu Rasulullah SAW yang diperolehi secara bersemuka di hadapan guru. Dewasa ini, pengambilan sanad *talaqqi* al-Quran semakin dititikberatkan di Malaysia (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015). Ini berikutan beberapa faktor penting yang membawa kepada hasil positif apabila aktiviti pengijazahan sanad sentiasa diamalkan. Antara program-program sanad al-Quran yang popular masa kini di Malaysia adalah sanad *talaqqi* surah al-Fātiḥah dan sanad *talaqqi* al-Quran 30 juzu’. Begitu juga penubuhan pusat pengajian dan institusi pengajian *talaqqi* al-Quran bersanad di Malaysia sudah mula memberangsangkan bermula tahun 2009 (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015). Antara hadis yang menunjukkan kepentingan bertalaqqi al-Quran adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad (1995) seperti berikut:

عن عمرو بن العاص أنه سمع رجلاً يقرأ آية من القرآن فقال من أقرأكها؟ قال رسول الله صلى الله عليه وسلم قال فقد أقرأنيها رسول الله صلى الله عليه وسلم على غير هذا فذهب إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال أحدهما يا رسول الله آية كذا وكذا ثم قرأها فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم هكذا أنزلت فقال الآخر يا رسول الله فقرأها على رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال أليس هكذا يا رسول الله قال هكذا أنزلت فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم إن هذا القرآن أنزل على سبعة أحرف فأبي ذلك قرأتهم فقد أحسنتم ولا تماروا فيه فإن المرء فيه كفر أو آية الكفر.

[Ahmad, no hadis 17821]

Maksudnya:

“Daripada Amru bin al-‘As RA: sesungguhnya dia mendengar seorang lelaki membaca sepotong ayat dari al-Quran, maka dia bertanya: siapa yang membacakan ayat ini kepada engkau? Maka dia menjawab: Rasulullah SAW, dia (Amru) berkata: sesungguhnya baginda membacakan ayat ini kepada aku dengan bacaan yang lain! Maka mereka berdua pergi bertemu dengan Rasulullah dan salah seorang dari mereka bertanya: wahai Rasulullah, ayat sekian sekian kemudian dia membacanya, baginda menjawab: begitulah ia diturunkan, maka berkata seorang lagi: wahai Rasulullah! Maka dibacanya ayat itu dan bertanya: bukankah begini wahai Rasulullah? Baginda menjawab: begitulah ia diturunkan. Maka baginda berkata: sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan sab’ah ahruf, maka yang mana saja kamu baca ia adalah sah, dan jangan kamu ragu padanya, kerana keraguan kepadanya akan menyebabkan kamu kafir atau pun ia adalah tanda-tanda kafir.”

GURU AL-QURAN INSAN TERBAIK

Susulan daripada kaedah *talaqqi* secara *mushāfahab*, maka rangkaian sanad akan melahirkan ramai guru-guru al-Quran. Guru al-Quran merupakan insan yang terbaik sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ.

[al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ*nya: 5027]

Maksudnya:

“Sebaik-baik kamu adalah yang belajar al-Quran dan mengajarkannya (kepada orang lain).”

Guru al-Quran dipandang mulia oleh masyarakat. Setiap tindak tanduk mereka diperhatikan oleh orang ramai. Oleh itu, seharusnya guru-guru al-Quran menunjukkan contoh teladan yang baik supaya dicontohi oleh masyarakat. Kata Imam al-Shātībī (2015):

هُوَ الْمُرْتَضَىٰ أَمَّا إِذَا كَانَ أُمَّةً # وَيَمَّمُهُ ظِلُّ الرِّزَانَةِ قَتَلًا.

Maksudnya:

“Pembaca al-Quran itu ialah orang yang dicontohi oleh manusia. Jadilah dia seorang yang berilmu, dan manusia menuju serta memerlukaninya untuk mengambil berkat dan ilmu daripadanya. Dia diumpamakan seperti tempat berteduh yang kukuh, dan keadaannya seperti sebuah bukit besar dan tinggi.”

Guru al-Quran perlu memainkan peranan untuk membentuk akhlak dan sahsiah pelajar mereka. Kata Abdul Muhsien (2014): “Antara peranan guru adalah menjadi teman yang prihatin, melazimi sikap berkasih sayang, menyemai sifat terpuji, menjadi pembimbing dan mengekalkan keserasian. Seorang guru perlu sentiasa memberi perhatian kepada anak muridnya dan berkongsi nasihat yang berguna. Ia bertepatan sepertimana yang disebut dalam hadis agama itu nasihat”.

Dari sudut seorang pelajar al-Quran, mestilah beradab dan berakhlak di hadapan guru. Para ulama telah mengarang kitab berkenaan adab-adab seorang pelajar, contohnya seperti kitab Imam al-Nawawī iaitu *al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Qur'an*. Seorang pelajar mestilah menghormati guru yang mengajarkan al-Quran kepadanya. Kata Imam al-Shātibī (2015):

جَزَى اللهُ بِالْخَيْرَاتِ عَنَّا أئِمَّةً # لَنَا نَقُلُوا الْقُرْآنَ عَدْبًا وَسَلْسَلًا.

Maksudnya:

“Semoga Allah SWT membalas dengan kebaikan kepada imam-imam qurrā’, yang mengajarkan al-Quran kepada kita semua secara sempurna dan bersambung sanad.”

PEMILIHAN GURU AL-QURAN

Membaca al-Quran adalah amalan harian seorang muslim. Untuk mempelajari bacaan al-Quran yang sah dan tepat, seseorang perlu bertindak bijak memilih guru al-Quran yang terbaik. Para ulama terdahulu juga mengumpulkan nama-nama *qurrā’* dalam kitab mereka dan memberi huraian berkenaan latarbelakang setiap *qurrā’* supaya dikenali masyarakat. Antara ulama yang mengumpulkan nama-nama *qurrā’* adalah Imam Ibn al-Jazarī dalam kitabnya *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurrā’* dan Imam al-Dhahabī dalam kitabnya *Ma’rifah al-Qurrā’ al-Kibar*. Kata Imam Ibn al-Jazarī (al-Nuwayrī, 2003):

وَإِذَا كَانَ صِحَّةَ السَّنَدِ مِنْ أَرْكَانِ الْقِرَاءَةِ كَمَا تَقَدَّمَ، تَعِينُ أَنْ يَعْرِفَ حَالَ رِجَالِ الْقِرَاءَاتِ كَمَا يَعْرِفُ أَحْوَالَ رِجَالِ الْحَدِيثِ، لَا جَرَمَ اعْتَنَى النَّاسُ بِذَلِكَ قَدِيمًا وَحَرَصَ الْأئِمَّةُ عَلَى ضَبْطِهِ عَظِيمًا.

Maksudnya:

“Dan sekiranya kesahihan sanad adalah termasuk rukun (penerimaan) bacaan seperti yang telah diterangkan sebelum ini, maka adalah perlu untuk mengetahui keadaan rijāl qirā’at sepertimana perlunya untuk mengetahui keadaan rijāl hadis, tidak menjadi kesalahan untuk masyarakat menjaganya, dan penjagaan para imam terhadapnya adalah perkara yang baik.”

Memilih guru al-Quran yang terbaik adalah satu keperluan. Para ulama juga memilih individu tertentu sebagai guru al-Quran mereka. Hal ini didasari kata Imam al-Khāqanī:

فَمَا كُلُّ مَنْ يَتْلُو الْكِتَابَ يُقِيمُهُ # وَلَا كُلُّ مَنْ فِي النَّاسِ يُقْرَأُ لَهُمْ مُقْرِي.

Maksudnya:

“Tidaklah semua yang membaca al-Quran itu menyempurnakan haknya, dan tidak pula semua yang mengajarkan al-Quran itu benar-benar layak menjadi guru.”

Antara kalam ulama tentang perkara ini adalah seperti berikut:

- i. Kata Imam al-Suyuti: Dan mengambil tahu mengenai keahlian dan keilmuan seseorang sebelum menadah ilmu dari mereka adalah syarat. Maka (untuk

- mempermudah) dijadikan ijazah itu seperti penyaksian syeikh (guru) terhadap keahlian dan keilmuan muridnya.
- ii. Kata Imam al-Makki bin Abi Talib: Setiap murid yang ingin mempelajari dan mendalami al-Quran berkewajiban memilih guru yang menjaga agama dan memahami ilmu-ilmu al-Quran.
 - iii. Kata Imam al-Nawawi: Janganlah dia belajar kecuali daripada orang yang berkeahlian, menonjol agamanya, nyata pengetahuannya dan masyhur menjaga dirinya.
 - iv. Kata Imam Abu Bakar bin ‘Ayyash: Tidaklah aku melihat seorang yang lebih qari daripada Asim maka aku membaca ke atas beliau.
 - v. Kata Imam Sulaim bin Isa al-Hanafi: Sesungguhnya al-Quran dibaca daripada *rijal* yang *thiqah* (dipercayai), dan mereka membaca daripada *rijal* yang juga *thiqah*.

KRITERIA GURU AL-QURAN

Setelah diketahui tentang keperluan memilih guru al-Quran seperti yang diamalkan oleh para ulama, maka kajian ini membentangkan berkenaan kriteria-kriteria guru al-Quran yang perlu diambil berat. Dua kriteria utama guru al-Quran adalah sifat **adil** dan **dābiṭ**. Gabungan kedua-dua sifat ini adalah sifat **thiqah** iaitu ungkapan bagi perawi yang terhimpun padanya sifat **adil** dan **dābiṭ** (‘Abd al-Majid Ghawri, 2015). Kata Imam Ibn al-Jazari:

وأما القراءة الصحيحة... ما صح سنده بنقل العدل الضابط عن الضابط كذا إلى منتهاه.

Maksudnya:

“Dan adapun qiraat sabibah..bacaan yang sah sanadnya dinukilkan oleh individu yang **adil dabit** daripada **dabit**, begitulah sehingga ke akhirnya.”

Begitu juga kata Imam al-Nuwayri (2003): Antara syarat-syarat menjadi *rijal al-Qira’at* mestilah berilmu, berakal, muslim, mukallaf, **thiqah** (dipercayai), **dābiṭ** (ingatan yang baik) dan jauh dari melakukan perkara-perkara fasiq ataupun yang menjatuhkan maruah.

Nota penting: *Rijal al-Qira’at* yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah guru al-Quran.

SIFAT ADIL – SIFAT UTAMA

Adil adalah sifat berlawanan bagi zalim. Dari sudut bahasa, adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya yang betul (Kamus Dewan, 2015). Manakala dari sudut istilah, adil bermaksud seseorang individu berterusan dalam menjaga agama dan maruahnyanya (Hanid Ashraf, 2006). Berterusan menjaga agama bermaksud melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangannya, manakala berterusan menjaga maruah bermaksud tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang menyalahi adab walau pun ianya tidak berdosa. Pengertian ini juga bertepatan dengan pengertian yang diberikan oleh Ibn Hazm yang menyatakan adil bermaksud melaksanakan perkara-perkara fardhu dan meninggalkan perkara-perkara haram.

Para ulama telah menggariskan beberapa syarat untuk seseorang individu itu diiktiraf sebagai *rijal* yang adil. Syarat-syarat tersebut adalah beragama Islam, baligh, berakal serta terhindar daripada perlakuan-perlakuan fasiq dan yang menjatuhkan maruah (Hanīd Ashraf, 2006). Oleh itu individu yang kafir, kanak-kanak yang belum mumayyiz, orang gila, individu yang fasiq iaitu melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa kecil dan individu yang tidak menjaga adab dan akhlakunya tidak akan diterima periwayatan daripada mereka.

Ulama telah menggariskan beberapa kaedah untuk mengenalpasti sifat adil seseorang. Hanid Asyraf (2006) dan ‘Abd al-Majīd Ghawrī (2015) menyatakan dua kaedah yang disepakati ulama adalah merujuk kepada kitab-kitab ulama *jarh wa ta’dil* dan masyhur sifat adil individu tersebut dalam kalangan ahli ilmu. Kaedah pertama boleh digunakan untuk memastikan sifat adil seseorang individu yang kurang masyhur di sisi masyarakat. Bagi pengajian sanad al-Quran, kitab yang boleh dirujuk adalah jenis *ṭabaqāt al-Qurrā’* dan kitab-kitab biografi *qurrā’* yang lain (Aḥmad Sa’ad, 2013). Manakala bagi kaedah kedua, sudah mencukupi menyatakan seseorang itu adil sekiranya terdapat banyak pujian mengenai sifat *thiqah* dan amanah beliau.

Dr. Aḥmad Sa’ad (2013) telah menerangkan beberapa keadaan *rijal al-Qirā’at* yang tidak diiktiraf adil iaitu lemah agamanya, *tasābul* atau *tasāmuh* dalam periwayatan bacaan al-Quran dan melakukan penipuan. Ada pun penipuan itu terbahagi kepada tiga keadaan iaitu mendakwa membaca al-Quran kepada guru yang tidak dibacanya, menipu jalur sanad dan meriwayatkan dari ramai guru yang tidak dikenali.

Adapun berkenaan *tasābul* atau *tasāmuh* dalam periwayatan bacaan al-Quran boleh dirujuk kepada kalam ulama seperti berikut (Mohamad Redha et al., 2023):

- i. Kata Syeikh Dr. Ayman Suwayd: Menasihatkan supaya tidak mengambil sanad al-Quran dengan cepat dalam waktu yang singkat, walaupun dengan alasan murid itu dalam permusafiran.
- ii. Kata Dr. Aḥmad Sa’ad: Mengkategorikan guru al-Quran yang *tasābul* dan *tasāmuh* sebagai bersifat TIDAK ADIL dan tergolong dalam *rijal dhaif*.
- iii. Kata Dr. Dakhil: Tidak menggalakkan mempelajari al-Quran dari guru yang *tasābul* atau *syadid*.
- iv. Kata Syeikh Hasan Mustafa al-Warraqi: Sekiranya setiap guru bersikap *tasābul* 1% dalam memberikan sanad al-Quran, nescaya akan sampai kepada kita hanya beberapa peratus sahaja yang berbaki.

SIFAT *ḌĀBIṬ*

Sifat *ḌĀBIṬ* adalah sifat kedua selepas sifat adil dalam menerima periwayatan seseorang. Sifat adil adalah sifat yang paling utama. Ini bermaksud, seseorang yang melakukan pembohongan tidak akan diterima periwayatannya walaupun beliau seorang yang *ḌĀBIṬ*. *ḌĀBIṬ* dari sudut bahasa bermaksud mencapai matlamat untuk memelihara atau menjaga sesuatu (‘Abd al-‘Alī al-Mas’ūl, 2007). Manakala dari sudut istilah, al-Jurjanī menyatakan *ḌĀBIṬ* bermaksud orang yang mendengarkan perbincangan sebagaimana seharusnya, kemudian dia memahami perbincangan itu secara benar, kemudian dia menghafaznya dengan bersungguh-sungguh dan berjaya menghafaznya dengan baik, sehingga dia mampu menyampaikan hafazannya itu kepada orang lain dengan baik (Hanīd Ashraf, 2006). Secara mudahnya, individu yang *ḌĀBIṬ* adalah individu yang kuat hafazannya tentang apa yang didengarinya dan mampu menyampaikan hafazannya itu apabila dikehendakinya.

Muhammad bin Fauzān (2008) menyatakan seseorang itu dikira *dābiṭ* apabila dapat menghafaz kitab secara lengkap berkaitan *uṣūl* dan *farsh* bacaan al-Quran yang dipelajarinya. Syarat ini perlu dipatuhi oleh individu yang membaca al-Quran dengan *qirā'at* yang berbeza. Sekiranya murid tidak mampu untuk menghafaz kitab secara lengkap, maka dia perlu mengingati kaedah-kaedah bacaan al-Quran yang dipelajarinya. Pendapat beliau didasari oleh kata-kata Ibn al-Jazarī (t.t.) yang bermaksud:

“Dan hendaklah seseorang yang mempelajari bacaan al-Quran, menghafaz kitab secara lengkap berkaitan apa yang dibacanya uṣūl dan farsh. Jika tidak, pasti akan masuk kepadanya sangkaan dan campur-baur yang banyak, sekiranya dia membaca satu kitab tetapi tidak menghafaznya, maka wajib ke atas dia untuk mengingati kaedah bacaan tersebut yang diperolehi ketika bertalaqqi dengan gurunya, sekiranya dia berasa ragu-ragu, maka janganlah dia enggan untuk bertanya kepada rakannya ataupun orang lain yang mempelajari kitab tersebut, sehinggalah dia berasa yakin bacaan tersebut adalah sah.”

Dr. Ahmad Sa'ad (2013) telah menerangkan beberapa keadaan *rijāl al-Qirā'at* yang tidak diiktiraf *dābiṭ* iaitu tidak *dābiṭ*, bercampur-aduk riwayat, bercampur-aduk bacaan serta sanad, dan banyak melakukan kesilapan dalam bacaan serta sanad. Ibn Mujāhid (1972) menyatakan tidak semua *rijāl al-Qirā'at* mempunyai ketelitian, kebijaksanaan dan ingatan yang baik. Tidak semua dari kalangan mereka yang mahir dalam tatabahasa Arab, memahami ayat al-Quran dengan baik dan menitikberatkan perihal sanad.

Menurut Syeikh Ali al-Nuri al-Sofaqisi, terdapat enam ilmu yang perlu diketahui oleh *Hamalah al-Quran* iaitu ilmu tajwid, *rasm*, *waqf ibtida'*, *fawasil*, sanad dan Bahasa Arab. Manakala menurut pendapat al-Mar'asyi, seorang guru al-Quran perlu memiliki tiga ilmu iaitu ilmu tajwid, qiraat dan *rasm*.

KESIMPULAN

Berikut adalah kesimpulan yang diperolehi daripada kajian ini:

- i. **Adil** bermaksud berterusan dalam menjaga agama dan maruahinya, manakala **dābiṭ** bermaksud mempunyai hafazan atau ingatan yang kuat tentang apa yang dipelajarinya dan mampu menyampaikan ilmu tersebut apabila perlu.
- ii. Para *qurrā'* yang berkeahlian dan amanah dalam ilmu *rijāl al-Qirā'at* perlu mengkritik secara ilmiah sekiranya terdapat sebarang kesamaran atau ketidakpastian terhadap seseorang guru al-Quran. Perkara ini adalah berdasarkan amalan para *qurrā'* yang terdahulu.
- iii. Tujuan kajian, penelitian dan penjelasan kredibiliti guru al-Quran adalah untuk memastikan pengajaran ilmu bacaan al-Quran hanya dilaksanakan oleh *rijāl* yang berkeahlian sahaja.
- iv. *Qirā'at ṣahīḥah* yang diajarkan oleh guru al-Quran yang tidak adil atau tidak *dābiṭ* tidak terkesan kerana masih dikira sah melalui jalur sanad yang lain.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Majīd Ghawrī. (2015). *Pengenalan Ilm Al-Rijal*. Kajang: Penerbit KUIS.
- ‘Abd al-‘Alī al-Mas’ūl. (2007). *Mu‘jam Muṣṭalahāt ‘ilm al-Qirā’āt al-Qur’aniyyah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Abdul Muhsien Sulaiman. 2014. *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Akhlak Murid Dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talīb Al-Makkī*. Tesis PhD UM.
- Aḥmad bin Ḥanbal, taḥqīq: Syu‘aib al-Arnaūṭ & Adil. (1995). *Musnad*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Aḥmad Sa‘ad. (2013). *Asānīd al-Qirā’āt wa Manhaj al-Qurrā’ fī Dirāsatiḥā*. Barnāmiy Qurāsī al-Baḥs.
- Ammar Fadzil. (2018). *The Amazing Al-Quran*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Hanīd Ashraf. (2006). *Al-‘Adālah wa al-Ḍabṭ wa Atharuhumā fī Qabūl al-Abādīth aw Raddahā*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Ibn al-Jazarī. (2002). *Ṭayyibat al-Nasr fī al-Qirā’āt al-‘Asbr*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Ibn al-Jazarī. (2006). *Ghāyah al-Nihāyah fī Ṭabaqāt al-Qurrā’*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazarī. (2018). *al-Nasr fī al-Qirā’āt al-‘Asbr*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Jazarī. (t.t.). *Munjid al-Muqri’im wa Murshid al-Ṭalibin*. Kaherah: Maktabah al-Quds.
- Ibn Mujāhid. (1972). *Al-Sab‘ah fī al-Qirā’āt*. Mesir: Dār al-Ma‘ārif.
- Kamus Dewan. (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohamad Redha Mohamad. 2023. *Metodologi Ketulenan Sanad Talaqqī Rijāl Al-Qirā’āt: Analisis Terhadap Sanad Guru-Guru Al-Quran Di Selangor*. Tesis PhD UIS.
- Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Zaid Shamshul Kamar & Sharifah Noorhidayah Syed Aziz. 2023. *Ciri-Ciri Tasābul Pengijazahan Sanad Talaqqī Al-Quran*. E-Chapter in Book, Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat, IConICS 2023. Universiti Islam Selangor.
- Mohd Rahim Jusoh. 2016. *Tajwid al-Huruf & Mengenal Waqaf*. Pustaka Khodim Al Mushaf.
- Muḥammad ibn Fauzān. (2008). *Iqrā’ al-Qur’ān al-Karīm Shurūtuhu wa Ḍawābituhu*. Riyad: Dār Kunūz Ashbilīa.
- Al-Nuwayrī. (2003). *Sharḥ Ṭayyibah al-Nasr fī al-Qirā’āt al-‘Asbr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Shāṭibī. (2010). *Hirḥ al-Amānī wa Wajb al-Ṭabanī*. Istanbul: Dār al-Ghawthānī li al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah.
- Norazman Alias, Khairul Anuar Mohamad, & Abd Muhaimin Ahmad. (2015). *Fenomena Talaqqi Al-Quran Bersand Riwāyat Hafṣ ‘An ‘Asim Menurut Tariq Al-Syatibiyyah: Sumbangannya Dalam Perkembangan Pengajian Al-Quran Di Malaysia*. Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa (hlm. 169-184). FPQS, USIM.

BAB 5

IBN KATHIR AND HIS METHOD IN APPROACHING AYAT AL-QURAN: SAMPLE FROM TAFSIR AL-QURAN AL-AZIM

Muhammad Wafiq Muhammad Fauzi¹ & Mohamed Akhiruddin Ibrahim¹

¹Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

INTRODUCTION

The researcher provides a concise and straightforward overview of Mohd Zawawi bin Abdullah's article, which was published in 2020. The article's primary objective is to provide a brief description of Muslim scholars and their methods of tafsir, as indicated by its title, "Ibn Kathir Dan Ketokohnya Dalam Bidang Tafsir." The writer adopts a thematic approach, introducing the topic and subsequently presenting collected data related to it. The article effectively summarizes Ibn Kathir's biography and highlights his renowned work, the tafsir Al-Quran Al-Azim. One notable advantage of this article is its coverage of Ibn Kathir's bibliography and works. However, it is important to acknowledge certain drawbacks, such as the complexity of the examples provided and the limited coverage of all aspects of the book itself. The focus primarily revolves around Ibn Kathir, his biography, works, and methodology of tafsir. It is worth noting that other articles, books, or journals take a different approach, connecting Ibn Kathir's ideas and works with various fields of study, including psychology, medicine, motivation, and methodology. The evidence presented in this article is robust and relevant, effectively supporting the conclusion. Researchers typically rely on Ibn Kathir's books, related literature, and opinions from other Islamic scholars to delve into his ideas, methodology, opinions, and refutations. Additionally, other sources are also utilized to bolster the discussion surrounding the topics at hand.

RESEARCH BACKGROUND

The literature available for the current study is as follows:

(Zulfikar,2019), memperjelas epistemologi tafsir bi al-ma'tsur (Aplikasi Contoh Penafsiran dalam Jami' al-Bayan Karya al-Tabari), This paper discusses the epistemology of the bi al-ma'tsur interpretation from the book of Jami' al-Bayan 'An Ta'wil Ay al-Qur'an author by al-Tabari. The description covers how the author takes sources, methods, styles, and steps. As an interpretation of bi al-ma'tsur, this interpretation book contributes to a relatively different approach from the previous mufassir. Al-Tabari in the interpretation is very dominant in using some histories such as the hadith of the Prophet, companions, and tabi'in, then he selects strong opinions following what he wants. Based on the epistemology basis of bayani in terms of al-Jabiri, this paper will be supplemented with the shreds of evidence of the tafsir al-Tabari, how it is. With descriptive-analytic study, it was found that the epistemology base is a combination of bi al-ma'tsur and bi al-ra'yi which expresses many perspectives before it has been chosen as the truth by al-Tabari. Other than that, the step of interpreting the Qur'an from the beginning to the end in the order of the manuscripts, and its discussion reviewed in detail and length, the book of tafsir al-Tabari is classified that it uses method tahlili.

(Abdullah, M. Z,2013). Ibn Kathir Dan Ketokohnya Dalam Bidang Tafsir, in this research, describes about Tafsir al-Quran al-Azim better known as Tafsir Ibn Kathir, is among the best books of al-Quran tafsir ever produced throughout the ages. The method of writing this tafsir is based on tafsir bi al-ma thur, which is also one of the factors of this tafsir book which is still the main reference for Muslims to this day. This article will briefly cover Ibn Kathir's prominence in the field of interpretation, and the writing method he used throughout his writing. This article also tries to evaluate Ibn Kathir's perspective on some issues related to the science of Qur'anic interpretation such as the science of hadith, the science of penmanship, the science of jurisprudence, including the stories of Isra iliyat which became the reference of interpretation for some scholars of interpretation who were his contemporaries, after him or Jung was ahead of its time.

(Ullah, H. M. I., & Irshadullah, H. M, 2019), Importance of Knowledge in Light of Holy Quran with Special Reference to Ibn-Kathir, in this research it describes about Holy Quran is the book of All-Mighty Allah. It has revealed the Holy Prophet Muhammad (saw). By 'development of knowledge' we mean 'promotion', 'advancement' & 'spread' of knowledge. No other book of the world has focused on the spread of knowledge so much as the Holy Quran has. The spread of knowledge and knowledge is the main objective of the Quran. Holy Quran indicates the basic principles of knowledge that lead a human to an examination of the universe and environment, where he can calculate the answers to many questions by his efforts. Holy Quran highlights the importance of knowledge. On one occasion it says, "Can the learned and illiterate be the same status?" Similarly, in another situation, it says that those who do not use their capabilities and intelligence are like animals rather worse than animals and they will be sent to hell. Holy Quran is total knowledge and lifelong learning. The very meaning of the word "Quran" that is 'recitation' or 'reading' is related to knowledge. Allah Almighty has revealed it for the main objective of knowledge. Knowledge has a very prominent position in the Quran. The very first revelation was started with the words 'Iqra' (read) and 'Qalam' (pen). The first word that is 'Iqra' is a symbol of 'reading' whereas the second word that is 'Qalam' is a symbol of 'writing'. The use of both these terms and so many others show the importance of knowledge in the Holy Quran.

(Mirza, Y. Y,2012) Ibn Kathir: His intellectual circle, major works and Qur'anic exegesis, This dissertation focuses on one of the most popular medieval Muslim figures in modern times, Ibn Kathir. I argue that Ibn Kathir's works reflect a critical theological struggle in the history of Islam between those who emphasized the sources of the Qur'an and prophetic practice (traditionalists) and those who insisted on the incorporation of scholastic theology and the accumulated experience of the community (Ash'aris). Previous scholarship considers Ibn Kathir simply a student of the great traditionalist jurist and theologian Ibn Taimiyah (d. 1328). Ibn Taimiyah was the symbolic leader of the traditionalist movement and was imprisoned multiple times because he attempted to challenge the established Ash'ari social order. Ibn Kathir's ardent support of Ibn Taimiyah led many Arabic biographers to subsume Ibn Kathir under the hagiography of Ibn Taimiyah. Modern Western scholarship builds off the Arabic biographical literature to the point that Ibn Kathir is perceived as the mere "spokesperson" for Ibn Taimiyah and his Qur'anic exegesis a simple implementation of Ibn Taimiyah's Qur'anic hermeneutic. Yet, through examining Ibn Kathir's intellectual circle, major works, and Qur'anic exegesis, this dissertation demonstrates that Ibn Taymiyya and Ibn Kathir represent two different types of traditionalism. Ibn Taimiyah believed in an intellectualized traditionalism that delved deeply into philosophy and scholastic theology to argue for scripture's rationality. Ibn Kathir, on the other hand, subscribed to a fideism

traditionalism which was content with the superiority of the transmitted sources and the use of rational tools to analyse scripture. Ibn Kathir's Qur'anic exegesis, his most famous work, was thus less a product of Ibn Taimiyah than that of his fideism traditionalism and his attempt to respond to the dominant Ash 'arism.

METHODS

The research methodology used in this study is qualitative, based on reading material available on the internet and books regarding this field of study which is the science of Ulum Al-Quran, and basic knowledge about tafsir. The researcher gathered some reference materials to complete this work.

